

CREATE



Universiti
Malaysia
PAHANG
Engineering • Technology • Creativity




Januari - April 2012

Universiti Teknologi Pilihan Utama



Menteri Mentor lancar Koperasi UMP

ISSN 1823-7487



9 771823 748004



Malam Anugerah
Cendekia Bitara
iktiraf penyelidik,
pensyarah cemerlang



UMP fokus inovasi
capai Universiti
Pilihan Utama



MSA 1001:2005 (EIRIS) No. AR3211 Status Inhibition ONDAS 1001:2007 Certified Reg No: 52810

Kandungan



4 Malam Anugerah Cendekia Bitara iktiraf penyelidik, pensyarah cemerlang



6 Menteri Mentor lancar Koperasi UMP



UMP fokus inovasi capai Universiti Pilihan Utama

8

	Sidang Editorial & Dari Meja Ketua Editor	03
10	Malam Puisi Riong cetus sinergi generasi baharu	
	120 peserta Sinar ECER berkampung di UMP Kampus Gambang	12
14	UMP Tuan Rumah Debat Perdana Intergriti	
	2,000 pengunjung meriahkan sambutan Malam Kebudayaan Tahun Baharu Cina	15
16	Akademi Sains Malaysia berkunjung ke UMP	
	SeMAMPAN anjur Forum Bicara Nadir Bumi	17
18	Delegasi UTY Indonesia lawat UMP	
	Delegasi Sudan tinjau peluang kerjasama	19
20	UMP perkukuh hubungan bilateral dengan UoS	
	FSKKP jalin hubungan baik dengan syarikat peneraju industri komputer dan perisian	21
22	UMP sasarkan kecemerlangan pelaksanaan Self-Assessment SETARA II dan D-SETARA 11	
	PBMSK anjur English Camp S.Y.O.K bersama pelajar MRSM	23
24	130 hasil penyelidikan dalam pameran Citrex 2012	
	FIST anjur Seminar Bioteknologi	26
27	4 pelajar Kejuruteraan Awam cipta sejarah di Taiwan	
	FKEE anjur Celik Elektronik dedah bidang robotik untuk pelajar sekolah	28
29	Sempurnakan amanah kepimpinan dengan penuh kesedaran - NC	
	Maulidur Rasul disambut meriah	30
31	UMP terima bantuan wang zakat	
	Klik-Klik Lensa	32
34	100 mahasiswa jayakan program Kampus Hijau	
	500 pelajar jayakan Larian Kampus Pekan 2012	36

	Staf manfaatkan Hari Bertemu Pelanggan	37
38	SME-University Intership buka peluang pelajar tawar khidmat perundingan perniagaan	
	Pengetua dan Felo Kolej Kediaman lawat anak yatim Permata	39
40	UMP terima kunjungan pengurusan tertinggi Affin Bank	
	UMP, JPS timba kepakaran teknologi Korea urus sungai	41
42	UMP-KKTM bakal jalin kerjasama dalam bidang pendidikan dan latihan	
	Kolaborasi UMP dan MBM lahirkan generasi belia berpengetahuan	43
44	ICT Business Centre kongsi kepakaran bersama rakan niaga	
	Laman Web Rasmi UMP bertaraf 5 bintang	45
46	Pasukan Debat UMP juara Debat Diraja Kategori BM	
	Malam Santai Budaya kenali masyarakat 3 negara	47
48	28 sukarelawan jayakan Program Semai Bakti	
	Mahasiswa turun padang dalam Projek Semai Budi di Agropolitan Lepar	49
50	Mahasiswa In-Smartive bantu pelajar sekolah menguasai bahasa Inggeris	
	Kem Interaksi Pemimpin Muda bentuk kepimpinan pelajar SMK Chini	51
52	UMP buka tirai Sukan MASUM 2012	
	344 kaki pancing rebut juara di Pertandingan Memancing Terbuka UMP	53
54	Pasukan Jabatan Bendahari, FKKE dan FKM juara Kejohanan Bolatampar Tertutup UMP	
	Pelantikan baharu/penyambungan jawatan giliran	55
56	Alumni UMP gah di Volvo	
	Alumni UMP hulur sumbangan bantu ringan beban Mughirah	57
58	Terbitan Terkini	



Abd Rahman Haji Safie

UMP Sedekad : Permata yang Gemilang

Salam 1 Malaysia dan salam 1 UMP.

Memasuki tahun baharu kali ini telah membuka satu lembaran baharu buat Universiti Malaysia Pahang (UMP) apabila universiti teknologi pilihan utama ini telah mencapai 10 tahun usia penubuhannya pada angka 2012 ini. Tanpa disedari sedekad yang dinantikan menjelma tepat pada masanya tatkala UMP kini telah cukup matang dan tuah dalam melebarkan jenamanya yang tersendiri di peringkat nasional dan antarabangsa.

UMP diibaratkan permata yang gemilang, semakin gah bukan sahaja pada zahirnya yang kini terbina di kampus tetap di Kuala Pahang, Pekan, malah secara fitrahnya ia sudah menjangkau lebih jauh dari sedekad usianya apabila berdiri sama tinggi dengan universiti ternama yang lain yang lebih terkehadapan dari usia penubuhannya.

Maka, sebagai salah satu tulang belakang yang sama-sama bertanggungjawab menaikkan nama universiti ini, kami di sidang editorial *Create* merasa amat bertuah kerana masih berusaha untuk meneruskan kalam, melontarkan idea dan mengerah keringat untuk mengabdikan kegemilangan UMP sejak dari dulu, kini dan selama-lamanya.

Sebelum pembaca disajikan dengan limpahan kegemilangan UMP di setiap helai naskhah ini, kami di Sidang Editorial *Create* terlebih dahulu merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas keberangkatan Canselor UMP, Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Al-Hajj Ibnu Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah ke Majlis Anugerah Cendekia Bitara 2011 yang lalu. Bertemakan "Metamorfosis", ia amat bersejua sekali bagi melambangkan suatu perjalanan transformasi UMP sepanjang sedekad penubuhannya dalam mengungguli bidang kejuruteraan, teknologi dan kreativiti untuk meningkatkan taraf pendidikan tinggi di negara ini.

Selain itu, momen indah mencapai usia sedekad juga diserikan dengan kehadiran Menteri Pembangunan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Yang Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob, merangkap Menteri Mentor UMP yang telah melancarkan Koperasi UMP Berhad dan Kedai Buku KOOP UMP.

Bertunjangan mentransformasi UMP melalui gagasan Strategi Lautan Biru yang diilhamkan oleh Naib Canselor UMP sempena Amanat Naib Canselor 2012 juga merupakan detik yang penuh bermakna bagi pembuka tirai tahun 2012 dan mencipta sejarah tersendiri dalam meniti usia dewasa universiti ini. 10 tahun yang cukup matang ini telah diperingatkan sekali lagi oleh Naib Canselor supaya warga UMP sentiasa bersedia dalam menghadapi fenomena kritikal dunia pendidikan supaya UMP sentiasa berada di laluan yang tepat seperti mana yang terkandung di dalam Pelan Strategik UMP 2012-2015. Dalam ucap utama tersebut juga, warga UMP diberi tiupan semangat untuk meneruskan momentumnya sebagai pemain yang kompetitif dalam kelas yang tersendiri dan mampu memberi keunikan serta kelainan berbanding universiti lain.

Permata UMP bukan sahaja dapat dilihat dari sinar kegemilangannya menerusi pencapaian akademik dan penyelidikan semata-mata, malah para pemegang taruhnya yang terdiri daripada bakal-bakal jurutera turut bergemerlapan di peringkat antarabangsa apabila empat orang pelajar daripada Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam telah berjaya meraih kejayaan dalam Pameran Antarabangsa Pereka Muda (IEYI 2012) anjuran Vietnam Far East University, Taiwan Invention & Intellectual Property Association di Taiwan baru-baru ini. Selain hebat dalam bidang teknologi, para siswa UMP turut berkarisma dan berintelektual di luar bidang pengajian mereka apabila menjadi juara dalam Debat Diraja 2012 kategori bahasa Melayu. Bak kata pepatah, sebutir mutiara yang indah dan cantik walau dicampak ke pelusuk mana pun, tetap akan terserlah sinarnya. Syabas diucapkan!

Maka, di akhir kata, kami di sidang editorial *Create* ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada semua warga UMP yang sama-sama terlibat dalam menaikkan nama UMP sejak dari awal penubuhannya sehinggalah sedekad usianya pada hari ini. Semoga niat murni dan usaha kita ini akan terus diberkati oleh Allah S.W.T.

Syabas warga UMP!



PENAUNG

Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim
daing@ump.edu.my

KETUA EDITOR

Abd Rahman Haji Safie
arahman@ump.edu.my

EDITOR

Safriza Baharuddin
safriza@ump.edu.my

WARTAWAN/PENULIS

Mohd. Raizalhilmy Mohd Rais
hilmy@ump.edu.my

Arman A. Rahim
arman@ump.edu.my

Mimi Rabita Abdul Wahit
mimirabahit@ump.edu.my

Siti Aishah Ghani
sitiashah@ump.edu.my

Lily Azwati Ab. Latip
lily@ump.edu.my

Hazlina Faizal
haz@ump.edu.my

Muhamad Faisal Mohd Yasin
faisalm@ump.edu.my

Raihana Sulaiman
raihana@ump.edu.my

Nor Azazi Mamat
azazi@ump.edu.my

Nor Salwana Mohammad Idris
salwana@ump.edu.my

Mohd. Rozmillah Othman
rozmillah@ump.edu.my

PEREKA GRAFIK

Azman Md Diah
azmanm@ump.edu.my

Noor Azhar Abd Rasid
noorazhar@ump.edu.my

Mohd Zulkifly Hamzah
mohdzulkifly@ump.edu.my

JURUFOTO

Khairu Aidilnisha Rizan Jalil
khairul@ump.edu.my

PEMBANTU PENERBITAN

Hafizatulazlin Abd Aziz
lin@ump.edu.my

Norhafizah Fadzillah
hafzahf@ump.edu.my

PENGEDARAN

Ahmad Mahdi Sulaiman
mahdi@ump.edu.my

Buletin *CREATE* diterbitkan tiga kali setahun. Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dikeluarkan ulang, disimpan dalam sistem dapat kembali, atau disiarkan dalam apa-apa jua perkara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Editor.

Sidang Editorial berhak melakukan penyuntingan terhadap tulisan yang diterima untuk penyiaran selagi tidak mengubah isinya. Karya yang disiarkan tidak semestinya menggambarkan atau mencerminkan pendapat dan sikap Buletin *CREATE*. Karya yang disiarkan tidak boleh diterbitkan semula tanpa kebenaran Ketua Editor.

Sidang Editorial tidak bertanggungjawab juga atas kehilangan tulisan atau karya yang dikirimkan melalui pos.

Segala sumbangan yang dikirimkan sama ada disiarkan atau tidak, tidak akan dikembalikan. Sumbangan karya boleh dihantar melalui e-Mel atau pos kepada penerbit di:

EDITOR

Pejabat Naib Canselor
Universiti Malaysia Pahang
Lebuhraya Tun Razak
26300 Gambang, Kuantan
Pahang Darul Makmur
Tel.: 09-549 3184
Faks: 09-549 3199
e-Mel: safriza@ump.edu.my



Malam Anugerah Cendekia Bitara iktiraf penyelidik, pensyarah cemerlang

Universiti Malaysia Pahang (UMP) menganjurkan Malam Anugerah Cendekia Bitara 2011 bertemakan 'Metamorfosis' yang melambangkan suatu perjalanan transformasi UMP sepanjang sedekad penubuhannya dalam mengungguli bidang Kejuruteraan, Teknologi dan Kreativiti untuk meningkatkan taraf pendidikan tinggi di negara ini.

Berangkat menyempurnakan majlis, Canselor UMP, Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Al-Haj Ibrni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah yang berkenan menyempurnakan Majlis Malam Anugerah Cendekia Bitara (ACB) 2011 di Hotel Hyatt Regency Kuantan pada 28 April 2012 yang lalu.

Hadir sama Pengerusi Lembaga Pengarah UMP, Dato' Mohd. Hilmey Mohd. Taib dan ahli LPU, Dato' Sri Abdul Aziz Abdul Abdul Rahman.

Tengku Mahkota Pahang berkenan menyampaikan Anugerah Cendekia Bitara kepada seramai 24 penerima anugerah yang berjaya mengharumkan nama universiti dengan mencipta kejayaan di dalam dan luar negara. Tiga daripadanya adalah penerima Anugerah Pengajaran Cemerlang.

Titah baginda, komitmen berterusan pihak pengurusan UMP mengelolakan Malam

Anugerah Cendekia Bitara sebagai satu acara tahunan merupakan manifestasi tekad untuk memaknakan pembudayaan penyelidikan, penerbitan ilmiah dan inovasi sebagai citra utama universiti ini.

"Aktiviti penyelidikan dan pembangunan serta inovasi yang dijalankan UMP seharusnya berkeupayaan untuk memberi nilai tambah kepada agenda semasa kerajaan dengan pengisytiharan 2012 sebagai Tahun Sains dan Gerakan Inovasi Nasional.

"Maklumat yang disebarkan kepada masyarakat mengenai kecemerlangan pencapaian warga UMP dalam bidang penyelidikan, penerbitan ilmiah dan inovasi yang ditampilkan ini akan menjadi faktor pendorong bakal-bakal penuntut memilih UMP sebagai pilihan utama mereka dalam melanjutkan pengajian di bidang Kejuruteraan, Sains dan Teknologi," titah baginda semasa merasmikan Malam Anugerah Cendekia Bitara.

Baginda turut menyarankan kriteria pengiktirafan dengan mengambil kira manfaat, faedah dan kebolegunaan hasil penyelidikan, inovasi atau penerbitan ilmiah boleh dimanfaatkan untuk kepentingan sejagat.

Sementara itu, Naib Canselor UMP, Profesor

Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, pada tahun 2011 sebanyak 215 projek penyelidikan sedang dijalankan di UMP dengan nilai geran sebanyak RM 9,953,140 juta dengan catatan peningkatan sebanyak 13.5 peratus berbanding tahun lalu.

"Malaysia mengalami kenaikan jumlah penerbitan dalam jurnal berimpak tinggi yang sangat membanggakan. Di UMP, penerbitan artikel di dalam jurnal berwasit yang berimpak juga melonjak 26 peratus dari angka 103 tahun sebelumnya kepada 130 pada tahun lalu," kata beliau.

Selain itu, menyedari kepentingan memelihara harta intelek, UMP telah mengemukakan 57 permohonan paten, enam permohonan hak cipta, empat permohonan cap dagangan dan satu permohonan rekabentuk industri untuk didaftarkan dalam memelihara kepentingan universiti terhadap produk penyelidikan yang dihasilkan.

Lebih membanggakan, sebanyak lima projek penyelidikan kontrak bernilai RM 1.54 juta berjaya dijalankan melibatkan kerjasama dengan agensi luar termasuklah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian Pahang (LKPP), SIRIM Berhad, Indah Water Konsortium Berhad dan Universiti Kuala Lumpur.



Katanya, dengan jumlah staf akademik yang mempunyai ijazah kedoktoran seramai 148 orang dan 505 pelajar siswazah ianya melengkapkan ekosistem penyelidikan di universiti ini.

Dalam majlis ini, seramai tujuh orang diumumkan penerima Anugerah Cendekia Bitara bagi kategori produk penyelidikan. Mereka adalah Dr. Rizalman Mamat dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE), Nor Maniha Abdul Ghani dari FKKE, Dr. Iqbal Ahmed dari Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), Profesor Madya Dr. Hayder A. Abdul Bari dari FKKSA, Dr. Arun Gupta juga dari FKKSA, Profesor Madya Dr. Abdurahman Hamid Nour dari FKKSA dan Profesor Madya Dr. Ahmed N Abdalla dari FKKE. Pemenang membawa pulang sijil penghargaan dan wang tunai sebanyak lima ribu ringgit bagi pengiktirafan di peringkat antarabangsa dan tiga ribu ringgit bagi pengiktirafan dalam negara.

Sementara itu, seramai 14 orang lagi menerima Anugerah Cendekia Bitara bagi Kategori Penerbitan Jurnal yang berimpak tinggi. Di antaranya ialah Profesor Madya Dr. Zularisam Ab. Wahid dari Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) dengan Tajuk Penyelidikan Air dan Skor Impak Faktor 4.5;

Dr. Syed Mohd Saufi Tuan Chik dari FKKSA dengan tajuk "*Journal of Chromatography A (skor 4.2)*" dan Profesor Dr. Jose Rajan dari Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI).

Selain itu, UMP turut memberikan pengiktirafan di kalangan pensyarahnya yang sentiasa menggunakan pendekatan inovasi dan kreativiti bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran (P&P) dalam melahirkan modal insan yang lebih berdaya saing.

Dalam majlis itu, tiga orang pensyarah dinobatkan sebagai penerima Anugerah Pengajaran Cemerlang (APC), iaitu bagi kategori Kejuruteraan, Sains Gunaan dan Sains Sosial Gunaan. Pemenang terdiri daripada pensyarah FKKSA, Profesor Madya Dr. Mimi Sakinah Abdul Munaim yang dipilih bagi kategori Kejuruteraan.

Aziman Abdullah dari Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP) pula dinobatkan pemenang bagi kategori Sains Gunaan dan Dr. Nik Aloesnita Nik Mohd Alwi merupakan pensyarah kanan di Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK) menang bagi kategori Sains Sosial Gunaan. Semua pemenang membawa wang tunai lima ribu ringgit, trofi dan sijil penghargaan.

UMP juga memperkenalkan Hadiah

Sanjungan Pengajaran yang dipilih di kalangan pensyarah di peringkat fakulti. Mereka adalah Hazizulden Abdul Aziz daripada Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik; Luqman Hakim Ahmad Shah daripada Fakulti Kejuruteraan Mekanikal; Lee Chia Kuang dari Fakulti Teknologi; Wan Muhammad Syahrir Wan Hussin dari FSKKP dan Nor Ashikin Abdul Aziz dari PBMSK.

Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, Anugerah Pengajaran Cemerlang (APC) merupakan suatu inisiatif yang dapat memberi galakan dan rangsangan kepada ahli akademik.

"Penganugerahan ini dapat menyokong peningkatan kualiti akademik yang merupakan salah satu bidang keberhasilan utama Universiti (UKRA)," katanya yang turut menekankan pemerkasaan program akademik, prasarana, pengambilan pelajar yang berkualiti dan warga kerja yang kompeten akan menjadikan UMP sebagai sebuah Universiti Teknologi Bertaraf Dunia.

Selain itu, melalui platform ini ianya dapat mengenal pasti pensyarah yang layak bagi dicalonkan dalam Anugerah Akademik Negara (AAN) mengikut kriteria yang ditetapkan oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi.



Menteri mentor lancar koperasi UMP

Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Yang Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob yang juga Menteri Mentor Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah melancarkan Koperasi UMP Berhad dan kedai buku KOOP UMP.

Dengan wujudnya Koperasi UMP Berhad ini ianya sebagai koperasi tunggal yang menyatukan warga kerja dan mahasiswa universiti ini dengan merangka satu pelan perniagaan yang memberi keuntungan jangka panjang untuk dinikmati ahlinya dan memberi manfaat kepada seluruh warga UMP.

Menurut Dato' Sri Ismail Sabri sehingga akhir Januari 2012, koperasi yang berdaftar di Malaysia adalah sebanyak 9,141 buah dengan 690 pendaftaran di Pahang sahaja.

Katanya, jika sekitar tahun 2009, koperasi hanya menyumbang satu peratus daripada keluaran dalam negara kasar (KDNK), dengan penambahan bilangan koperasi yang berdaftar sasaran peningkatan sebanyak lima peratus KDNK menjelang 2013 akan tercapai.

"Ini jelas membuktikan bahawa peranan

koperasi dalam membantu menjana pendapatan negara tidak boleh dipandang remeh.

"Dasar Koperasi Negara 2002-2010 yang diperkenalkan kerajaan memberi perkembangan kepada pengurusan koperasi agar lebih sistematik dengan melaksanakan program-program pembangunan perniagaan, akses kepada sumber pembiayaan, penerapan pembudayaan keusahawanan dan peningkatan dalam pengawal seliaan koperasi," katanya semasa merasmikan Koperasi UMP Berhad dan Kedai Buku KOOP di Dataran Canseleri UMP Gambang pada 10 Mac 2012 yang lalu.

Dato' Sri Ismail turut mengumumkan geran peruntukan sebanyak RM30 ribu kepada Koperasi UMP Berhad dan RM30 ribu lagi diberikan kepada Gerakan Pengguna Siswa UMP berdasarkan projek yang dikemukakan mahasiswa.

Menurutnya lagi, gerakan ini berperanan memberi kesedaran dan pengetahuan kepenggunaan di kalangan pelajar, ibu bapa dan orang luar agar tidak mudah tertipu dan

berhemat dalam berbelanja.

Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, sejak penubuhan universiti ini 10 tahun yang lalu, beberapa percubaan telah dibuat oleh kalangan warga staf dan mahasiswa yang berminat untuk menubuhkan koperasi di sini.

"Berkat permuafakatan yang bersendikan kesatuan minda dan kesatuan tindakan warga universiti ini, maka Koperasi UMP Berhad yang dirintis sebelum ini berjaya direalisasikan.

"Kedai Buku Koop UMP yang bakal dilancarkan sebentar lagi merupakan inisiatif awal yang mencerminkan komitmen Koperasi UMP Berhad untuk memberi impak yang signifikan kepada kebajikan dan keperluan warga UMP secara keseluruhannya," katanya semasa menyampaikan ucapan.

Menurut beliau, pihak pengurusan UMP melihat perkembangan ini dengan positif, hususnya dalam kerangka pelaksanaan Pelan Strategik UMP 2011-2015 yang melibatkan empat Bidang Keberhasilan Utama Universiti (UKRA).



Dengan pelan perniagaan yang betul dan terarah, beliau percaya bahawa Koperasi UMP Berhad mampu menyumbang secara signifikan untuk mengisi strategi dan inisiatif di bawah UKRA kedua iaitu Kelestarian Kewangan.

Tambah beliau lagi, pihak pengurusan koperasi perlu bekerjasama rapat dan bergerak seiring dengan pihak pengurusan UMP bagi memastikan objektif dan matlamat penubuhan Koperasi UMP Berhad diterjemahkan dalam eti kata sebenarnya bagi manfaat para ahli.

Dato' Daing berkata, daya kreativiti dan kepekaan tinggi perlu dioptimumkan pihak pengurusan koperasi untuk menekuni, meneroka dan meninjau peluang dan potensi yang berupaya menambah nilai kepada penjana keuntungan.

Katanya, komitmen tinggi yang disulami keikhlasan niat, keutuhan urus tadbir dan kecemerlangan budaya korporat mampu mengangkat Koperasi Universiti Malaysia Pahang Berhad sebagai sebuah gerakan koperasi yang disegani, kompetitif dan berdaya maju.

Dalam majlis yang sama Dato' Ismail Sabri menyerahkan Geran Insentif Penubuhan Program Gerakan Pengguna Siswa (GPS) berjumlah seribu ringgit kepada Gerakan Pengguna Siswa UMP, Gerakan Pengguna Siswa UiTM Jengka dan Gerakan Pengguna Siswa IKIP, Pahang.

Manakala, tambahan sebanyak dua ribu ringgit lagi diperuntukkan bagi pelaksanaan Geran Pelaksanaan Program Gerakan Pengguna Siswa IPTA/IPTS kepada semua Gerakan Pengguna Siswa UMP ini termasuklah Gerakan Pengguna Siswa UNITEN Muadzam Shah.

Beliau turut berpeluang melawat Kedai Produk 1Malaysia (KR1M) dan bermesra dengan mahasiswa UMP di Kafeteria Pelajar yang menyediakan Menu Rakyat 1Malaysia (MR1M) dan Menu Siswa yang menawarkan harga sarapan pagi dengan kadar harga dua ringgit dan makan tengah hari dengan harga patut iaitu tiga ringgit setengah.

Katanya, sehingga kini terdapat 90 premis dan lima universiti termasuk UMP menyediakan produk KR1M dan MR1M.

“.....pihak pengurusan koperasi perlu bekerjasama rapat dan bergerak seiring dengan pihak pengurusan UMP bagi memastikan objektif dan matlamat penubuhan Koperasi UMP Berhad diterjemahkan dalam eti kata sebenarnya bagi manfaat para ahli.”

- Dato' Daing

Hadir dalam majlis Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Negeri Pahang, Zahari Abdul Aziz, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dr. Badhrulhisham Abdul Aziz, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus, Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin dan Pengerusi Koperasi UMP Berhad, Abdul Aziz Mohd Azoddein.



UMP fokus inovasi capai Universiti Pilihan Utama



Warga Universiti Malaysia Pahang (UMP) diseru agar menfokuskan inovasi dalam segala aspek pengajaran, pembelajaran, penyelidikan, penerbitan pengurusan, pentadbiran, kepimpinan bagi mencapai aspirasi menjadi universiti pilihan utama di peringkat global.

Menurut Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, melalui pendekatan dalam Strategi Lautan Biru (*The Blue Ocean Strategy*) mampu mengemblem sumber sedia ada yang sebelum ini diurus secara berselerak untuk digabung jalin membentuk kekuatan organisasi secara sinergi berterusan dan inovasi nilai sebegini banyak dipraktikkan oleh barisan kepimpinan negara masa kini.

"Untuk mara sebagai universiti pilihan utama pada tahun 2015, UMP haruslah berupaya menampilkan watak tersendiri yang unik, mudah cara dan tidak stereotaip serta tidak dibayangi mana-mana institusi lain. Inilah yang dimaksudkan dengan transformasi.

"Untuk memberi makna kepada semangat transformasi tersebut, maka kaedah kita mentadbir dan mengurus perlulah berubah dari cara-cara lapuk, lama dan usang kepada pendekatan inovatif berteraskan pengetahuan (knowledge based).

"Dari segi pentadbiran kewangan misalnya, Kelestarian Kewangan harus diberi perhatian serius bukan sekadar memenuhi ukuran Projek Agenda Kritikal (CAP) dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI), malah ianya juga melibatkan persediaan rizab kewangan yang teguh kepada universiti ini untuk terus membangun dan berinovasi dengan lebih fleksibel tanpa banyak kekangan pihak luar," kata Dato' Daing Nasir semasa berucap dalam Majlis Amanat Tahunan Naib Canselor dan Majlis Pelancaran Sambutan 10 Tahun UMP yang berlangsung pada 16 Februari 2012 yang

lalu.

Kata beliau, autonomi yang dikurniakan kepada lima universiti merupakan satu petanda bahawa kaedah sedia ada pengurusan universiti iaitu secara berpusat tidak dapat bertahan lama dan percaya dalam masa yang tidak begitu lama lagi autonomi adalah perkara yang mesti diterima oleh semua universiti.

Untuk mara sebagai universiti pilihan utama pada tahun 2015, UMP haruslah berupaya menampilkan watak tersendiri yang unik, mudah cara dan tidak stereotaip serta tidak dibayangi mana-mana institusi lain. Inilah yang dimaksudkan dengan transformasi.

Dato' Daing turut menekankan inovasi berdisiplin dan Istiqomah dalam membantu universiti mencapai Bidang Keberhasilan Utama Universiti (UKRA) sepertimana yang digariskan dalam Pelan Strategik UMP 2011-2015.

Selain itu, beliau meminta warga universiti memahami peranan masing-masing untuk membudayakan inovasi merujuk kepada persona ahli Antropologi (*Anthropologist*), Penguji Kaji (*The Experimenter*), Agen Pendebunangan Kacuk/Bertingkah (*The Cross Pollinator*), Pelari Berhalangan (*The Hurdler*), Kolaborator (*The Collaborator*), Pengarah (*The Director*), Arkitek Pengalaman (*The Experience Architect*), Pereka Set (*The Set Designer*),

Perawat (*The Caregiver*) dan Pujangga (*The Storyteller*).

Lebih 4,000 warga universiti hadir mendengar amanat bertemakan "Inovasi Berdisiplin sepanjang Migrasi" di Kompleks Sukan UMP di Gambang. Bersempena dengan program itu juga diadakan pameran foto universiti Sedekat Memacu Kecemerlangan yang mempamerkan gambar sejarah penubuhan UMP yang dahulunya dikenali sebagai Kolej Universiti Kejuruteraan & Teknologi Malaysia (KUKTEM).

Majlis turut menyaksikan acara penyampaian penghargaan kepada lapan orang pasukan perintis penubuhan universiti melibatkan barisan kepimpinan dan pentadbiran. Mereka adalah Naib Canselor (dahulu Rektor) pertama, Profesor Dato' Dr. Abu Azam Mohd. Yassin, Timbalan Naib Canselor (Timbalan Rektor) pertama Dato' Mortaza Mohamed; Timbalan Pendaftar Kanan, Wan Abdul Rashid Wan Abdul Rahman dalam urusan pentadbiran dan Profesor Madya Shaikh Nasir Shaikh Ab Rahman yang berperanan dalam usaha menubuhkan Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE).

Profesor Madya Dr. Ruzaini Abdullah Arshah juga merupakan perintis dalam menubuhkan Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKPP), penubuhan Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK) oleh Profesor Madya Ainol Haryati Ibrahim, perintis membangunkan Perpustakaan (dahulu *Knowledge Management Centre*) oleh Dr. Aini Ahmad dan Norliza Arshad bagi pengurusan kewangan universiti.

Hadir dalam majlis Pengerusi Lembaga Pengarah UMP, Dato' Mohd Hilmey Mohd Taib, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus, Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrie Zainudin dan Pendaftar pertama, Tuan Haji Ghani Salleh.

ahnya abjad pinjaman
yang mula syahdu
mahkan.

Info sekitar kampus

a lahirnya beradat.

a diperharum martabat
pak kembara yang mula
a dan gusar bahasa
asa dan wiru haloba;
duta dan ris bangsa
di sisi Siew Yee dan
a-tangan pertama
yat kitab.

watak dan wajah
ut pewaris canggih
lannya.

k tercapai sesiapa;
selalunya masa.

ah menguji m
nyelanat ut

ik, bia
a kompu
syair.

disakt
semang
rjat.



Universiti
Malaysia
PAHANG



MALAM Puisi RIONG

BERITA HARIAN

BERITA HARIAN - UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
SEMPENA SAMBUTAN 10 TAHUN UMP
MENJANA MINDA MENTRANSFORMASI BELIA
'SUARA HATI GENERASI BAHARU'

9 Mac 2012 (Ahad) | 8:00 MEST
Kompleks Sukan UMP Kampus Gambang



Malam Puisi Riong cetus sinergi generasi baharu

Seramai 3,000 mahasiswa termasuk daripada AMIK Tunas Bangsa Indonesia hadir menyaksikan persembahan lagu-lagu puisi yang disertai penyanyi, penyair, penyajak dan pelbagai genre puisi dalam Malam Puisi Riong anjuran Berita Harian dan Universiti Malaysia Pahang (UMP) di pentas utama Kompleks Sukan UMP Gambang pada 9 Mac 2012 yang lalu.

Selepas menyampaikan keperihatinan terhadap isu penderaan, pembuangan dan pembunuhan bayi dan kanak-kanak tahun lalu, UMP tampil kali ini dengan membawa mesej bertemakan Menjana Minda Mentransformasi Belia: Suara Hati Generasi Baharu melibatkan penganjuran bersama dengan Majlis Belia Malaysia (MBM) dan Persatuan Wanita UMP (Matahari). Majlis ini juga diadakan bersempena Sambutan 10 Tahun UMP pada tahun ini.

Menurut Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, penganjuran persembahan puisi ini juga melahirkan rasa bangga UMP dalam membina dan mengekalkan kesinambungan hubungan melibatkan antara UMP dengan kelompok sastera, belia dan masyarakat setempat.

Malam Puisi Riong juga menampakkan kesinambungan hasil daripada termeterainya

jalinan strategik antara UMP melalui Persatuan Matahari dengan Majlis Belia Malaysia (MBM) dalam melaksanakan program pembangunan belia khususnya di negeri Pahang.

Menurut Dato' Daing Nasir, masa depan bangsa dan negara kita berkait rapat dengan sejauh mana iltizam dan komitmen dan usaha kita meletakkan golongan belia yang juga sebahagian besarnya terdiri daripada mahasiswa hari ini di atas landasan yang betul dan kukuh.

"Usaha yang kita laksanakan pada hari ini juga akan memberikan impak sama ada baik atau sebaliknya kepada kekuatan dan kestabilan pembangunan sosioekonomi dan politik negara pada masa akan datang," katanya.

Dato' Daing mendahului persembahan puisi yang bertajuk Wasiat Perjuangan karya Wan Helmy Zain. Turut menyumbangkan puisi, Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrie Zainudin, Pengarang Pendidikan Berita Harian, Muhd. Yusof Abu Bakar dan mewakili Majlis Belia Malaysia (MBM), Ifhamuddin Mohamed.

Malam Puisi Riong diterajui penggiat seni veteran dan pelakon komedi, Sabri Yunus tampil sebagai pengacara dan

mendeklamasikan puisi humor Mat 34 mencuit hati tetamu yang hadir.

Menyerikan persembahan, penerima Anugerah Penulisan Asia Tenggara (Sea Write 2004), Dr. Zurinah Hassan yang membawakan Syair Selamatkan Anak-anak Kita; penerima Anugerah Penulisan Asia Tenggara (Sea Write 2005), Abdul Ghafar Ibrahim (Pak Agi) yang mempersembahkan Gurindam Negara Bijak dan Ketua Jabatan Kesusasteraan Melayu, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPS), Profesor Madya Datuk Dr. Mohd Rosli Saludin menyampaikan Teromba Wahai Anak Muda.

Persembahan monolog yang diselangi dengan bacaan ayat suci Al-Quran oleh Juara Rancangan Realiti Imam Muda Musim Kedua atau Imam Muda Hassan juga berunsur nasihat dan menyentuh jiwa tetamu yang hadir.

Para tetamu turut berpeluang menyaksikan persembahan lagu puisi berjudul Askar dan Belajar oleh pensyarah Fakulti Seni Persembahan, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Puncak Alam, Wani Ardy, Vokalis Kumpulan Jinbara, Tia atau Shamsul Bakhtiar Zakaria dan pemenang Rancangan Realiti Akademi Fantasia Musim ke-9, Hazama AF yang turut menyanyikan lagu Cinta Teragung dan Pokok.



120 peserta Sinar ECER berkampung di UMP Kampus Gambang





Seramai 120 anak-anak peserta Agropolitan Pekan menyertai Hari Inovasi dan Kreativiti Sinar ECER anjuran Universiti Malaysia Pahang (UMP) selama dua hari di UMP Gambang mulai 14 hingga 15 Januari 2012 yang lalu.

Pendedahan ini memberi peluang mereka bergelar 'mahasiswa' dan merasai keseronakan kehidupan kampus di samping memberi pendedahan dan galakan kepada pelajar untuk menceburi bidang sains dan teknologi dengan melawat makmal, belajar komputer dan berkreativiti.

Selain itu pelajar yang terdiri di kalangan peserta berumur enam hingga 12 tahun ini turut didedahkan dengan segmen celik komputer, celik huruf dan celik inovasi. Peserta turut berpeluang bersama jurulatih dari Zulldesign Autotronic, Zulfadzli Haron.

Program ini adalah lanjutan daripada program tuisyen, kem motivasi dan latihan dalam kumpulan (LDK) dalam memberi kesedaran pendidikan kepada anak-anak peserta Agropolitan bagi mengelakkan keciciran dalam pembangunan akademik menerusi program 'Sinar ECER' di bawah Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER).

Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Pembangunan ECER (ECERDC), Dato' Jebasingam Issace John berkata, program yang meliputi tiga modul, Kelas Akademik, Aktiviti Interaktif dan Kem Kanak-kanak merupakan pendekatan holistik untuk menyokong pembangunan keluarga Agropolitan.

"Program ini mengambil pendekatan bersepadu melibatkan pembangunan diri, pencapaian akademik dan penyertaan berpasukan secara kompetitif," katanya.

Tambah beliau, di bawah Pelan Induk ECER, projek Agropolitan mensasarkan peningkatan pendapatan bulanan isi rumah di antara RM1,000 dan RM 2,000 dalam tempoh tiga tahun pertama dan RM5,000 sebulan bagi jangka masa panjang dan program ini merupakan antara program yang diluluskan.

Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, program Sinar ECER ini menyaksikan komitmen tinggi pihak Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) untuk meningkatkan daya saing murid di dua buah sekolah terpilih iaitu Sekolah Kebangsaan Lepar dan Sekolah Kebangsaan Runchang

di Daerah Pekan dengan bimbingan warga kerja dan mahasiswa UMP serta sokongan Kerajaan Negeri Pahang.

Katanya, Program Sinar ECER merupakan manifestasi kesedaran bahawa kewajipan untuk mensejahterakan rakyat tidak terletak di atas bahu kerajaan semata-mata malah menjadi tanggungjawab universiti untuk sama-sama membantu.

"Pihak UMP begitu berbesar hati kerana menjadi sebahagian dari rakan kongsi pihak ECERDC dalam Program Sinar ECER yang telah berlangsung sepanjang tahun 2011 yang lalu melibatkan usahasama Pusat Pengajian Berterusan & Pembangunan Profesional (CENFED), Persatuan Wanita UMP (Matahari), dan mahasiswa UMP dari Kelab In-Smartive," kata beliau.

Dato' Daing berkata, dengan kejayaan pelaksanaan Program Sinar ECER sepanjang setahun yang lalu, pihak UMP sentiasa komited dan bersedia untuk terus berganding bahu dengan ECERDC untuk melestarikan inisiatif ini pada masa hadapan.

Katanya, komitmen tinggi Pusat-pusat Tanggungjawab, persatuan kakitangan dan pertubuhan mahasiswa di universiti ini membuktikan bahawa tiada jurang pemisah antara komuniti kampus dan masyarakat setempat.

Peserta projek Agropolitan Pekan, Abdul Malek Awang Kekich yang hadir menyertai program penutup majlis berkata, beliau amat berterima kasih atas keprihatinan pihak kerajaan dalam membangunkan masyarakat luar bandar, mengadakan kelas tambahan percuma dan menjalankan program yang sihat kepada anak-anak dalam meningkatkan kehidupan penduduk kampung yang jauh di pedalaman.

Majlis Perasmian Hari Inovasi & Penutup Program Sinar ECER 2011 dirasmikan Pengerusi Jawatankuasa Usahawan dan Koperasi Negeri Pahang yang juga ahli Dewan Undangan Negeri Bebar, Yang Berhormat Dato' Haji Ishak Haji Muhammad.

Hadir sama Pengurus Besar ECER Negeri Pahang, Mazlan Sharudin, Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin, Penasihat Persatuan Matahari, Datin Fazia Ali, Presiden Persatuan Matahari, Profesor Madya Dr. Mimi Sakinah Abdul Munaim, Pemangku Pengarah CENFED, Tuan Haji Jamil Basri dan Pengurus Projek Zainal Bahari.

UMP Tuan Rumah Debat Perdana Integriti



Debat Perdana Integriti Piala Perdana Menteri 2012 anjuran Institut Integriti Malaysia (IIM), Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Majlis Debat Universiti-Universiti Malaysia (MADUM) yang berlangsung selama empat hari sejak 24 Februari lalu melabuhkan tirai dengan suasana yang cukup meriah di UMP.

Pertandingan disertai 19 buah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), 10 buah Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dan dua buah Institusi Pendidikan Guru (IPG) menyaksikan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dinobatkan juara mengalahkan Universiti Sultan Zainal Abidin (UnisZA) dalam pertandingan akhir yang berlangsung di Kompleks Sukan UMP pada 28 Februari yang lalu.

Pasukan UKM yang bertindak sebagai pencadang dalam membentangkan usul bertajuk "Pembinaan Integriti Mahasiswa Terencat" ini dibarisi Abdul Hakim Md Yusoff, Mohamed Affendy Hasni, Mohd. Yusry Hydrus dan Najah Izzati Suleman.

Mereka berjaya membawa pulang wang tunai enam ribu ringgit, sebuah komputer riba setiap seorang, piala pusingan Perdana Menteri, piala iringan dan sijil penyertaan.

Selain itu, Mohd. Yusry turut menang wang tunai seribu ringgit apabila dinobatkan pendebat terbaik keseluruhan.

Manakala pasukan UnisZA dibarisi Wan Zainuddin Ali Aspar, Mohd Adib Aiman Abdul Shahar, Nurul Ain Mat Rahim dan Mohd Nadzely Abdul Karim yang bertindak sebagai pembangkang menjadi Naib Johan dalam pertandingan kali ini dengan membawa wang tunai empat ribu ringgit, piala iringan dan sijil penyertaan.

Pendebat UMP yang diwakili Siti Aisyah Mustapha, Qusyairi Hashim, Qamaruddin Mohd Fauzi dan Wu Daniel berjaya melayakkan diri ke pusingan suku akhir namun terpaksa akur apabila tewas dengan pasukan UnisZA.

Menurut Naib Canselor UMP, Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, menepati tema

debat, Integriti Menjana Transformasi ianya mengisyaratkan perlunya golongan pembuat dan pelaksana dasar serta rakyat Malaysia untuk meletakkan nilai integriti pada koordinat yang sepatutnya bagi menjayakan agenda tranformasi negara.

Ianya juga merupakan komitmen tinggi kerajaan untuk melaksanakan Program Tranformasi Kerajaan (GTP), Program Tranformasi Ekonomi (ETP) dan Tranformasi Politik perlu disahut oleh para penggerak jentera pentadbiran dan rakyat secara keseluruhannya bagi mencapai Wawasan 2020 dalam tempoh lapan tahun dari sekarang.

"Penguatkuasaan undang-undang semata-mata tidak akan menyelesaikan masalah integriti dan ketirisan. Paling utama ialah penghayatan dan kesedaran yang mendalam pada setiap peringkat masyarakat untuk mengangkat integriti sebagai amalan dan budaya bersama," kata beliau yang hadir merasmikan majlis penutup dan penyampaian hadiah kepada semua pemenang.

Malah, katanya pentas debat tidak sekadar mampu menggilap mahasiswa yang petah berkata-kata, tetapi turut melahirkan mahasiswa mampu menghayati tertib dan adab bicara seorang negarawan yang unggul nilai kesajarannya sekiranya semangat ini dapat ditekuni oleh pengelola dan peserta sesuatu perdebatan.

Beliau yakin melalui usul-usul yang telah diperdebatkan, para peserta dapat menekuni isu-isu berkaitan integriti daripada pelbagai dimensi dan mengharapkan idea dan cadangan yang telah dikemukakan mereka mempunyai nilai signifikan untuk diketengahkan pula dalam forum yang lebih berautoriti.

Sementara itu, menurut Presiden IIM, Datuk Dr. Mohd. Tap Salleh, penganjuran pertandingan ini dapat meningkatkan budaya integriti di kalangan pelajar IPT.

Katanya, beliau pada masa ini terdedah dengan pelbagai masalah terutamanya berkaitan Intellektual (IQ) dan Emosi (EQ).

Malah, faktor utama dalam EQ meninggalkan kesan yang mendalam termasuk berkaitan kesihatan dan sosial.

Hadir sama menyaksikan pertandingan akhir ialah Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), UKM yang juga Timbalan Pengerusi MADUM, Profesor Ir. Dr. Othman A. Karim dan Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrie Zainudin.



2,000 pengunjung meriahkan sambutan Malam Kebudayaan Tahun Baharu Cina



Hampir 2,000 pengunjung pelbagai bangsa hadir menyaksikan persembahan kebudayaan sempena Sambutan Malam Kebudayaan Tahun Baharu Cina anjuran Jawatankuasa Kebudayaan Cina dengan kerjasama Sekretariat Kebudayaan dan Kesenian Universiti Malaysia Pahang (UMP) di Kompleks Sukan UMP pada 17 Mac 2012 yang lalu.

Sambutan diserikan dengan kehadiran Ahli Parlimen Paya Besar, Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Manan Ismail.

Beliau memuji kejayaan penganjuran program yang dianggap dapat memupuk perpaduan gagasan 1 Malaysia dengan menyatukan pelbagai bangsa walaupun berlainan kepercayaan.

"Corak kependudukan negara ini yang bersifat majmuk menuntut setiap warga tanpa mengira latar etnik, keturunan dan agama untuk menghargai semangat kesatuan sebagai satu keunikan yang tidak terdapat di negara lain," kata Dato' Abdul Manan semasa merasmikan program.

Beliau mengharapkan generasi muda kini dapat memanfaatkan program dengan memperkenalkan budaya yang terdapat di Malaysia.

Sementara itu, Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yusserrie Zainudin berkata, program ini bertujuan untuk memberi peluang kepada pelajar untuk berkongsi pemahaman terhadap kebudayaan Cina melalui aktiviti-aktiviti yang berunsurkan ilmiah.

Selain itu, program sebegini dapat memupuk masyarakat yang mementingkan insan sepekerjaan tanpa mengira bangsa dan negara seterusnya menyahut saranan Perdana Menteri Malaysia iaitu 1 Malaysia.

Beliau berkata, pihak universiti sentiasa menggalakkan persatuan-persatuan pelajar agar bergiat aktif dalam menganjurkan program-program yang memberi impak ilmiah kepada mereka mahupun masyarakat sekitar.

Pengarah program Tan Ban Lin, 21, berkata, beliau amat gembira apabila mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat sekitar kampus khususnya sokongan daripada warga UMP sendiri.

Sementara itu, pelajar Sarjana Fakulti Teknologi yang berasal dari negara Sudan, Mustafa Mohamed Mustafa, 35, berkata, beliau amat gembira dapat menyertai program yang banyak memberi pengetahuan mengenai nilai tradisi kebudayaan masyarakat Cina.

Katanya, selain itu program seumpama ini secara tidak langsung dapat menggalakkan persefahaman antara kaum dan mengeratkan perpaduan warga universiti dengan masyarakat setempat.

Orang ramai yang hadir disajikan persembahan menarik dan beraneka yang antaranya Tarian Traditional, tarian moden, Chinese Okestra, Tarian Naga dan Tukar Topeng



Universiti Malaysia PAHANG



Akademi Sains Malaysia berkunjung ke UMP

Seramai 20 orang delegasi daripada Akademi Sains Malaysia (ASM) yang juga disertai ahli akademik dari dalam dan luar negara hadir ke Universiti Malaysia Pahang (UMP) bagi mengadakan perbincangan dan perkongsian kepakaran berkaitan hasil penyelidikan universiti serta melawat kemudahan makmal di UMP pada 8 Mei 2012 yang lalu.

Kunjungan ini mengambil kesempatan sempena lawatan pihak delegasi ASM ke Kilang Lynas Advanced Material di Gebeng, Kuantan dan Simposium Nadir Bumi Antarabangsa anjuran ASM di Kuala Lumpur baru-baru ini.

ASM merupakan kumpulan pemikir sains dan teknologi bebas dan Majlis Profesor Negara (NPC) adalah badan yang mempunyai lebih 1,500 ahli daripada universiti awam dan swasta yang menjalankan kajian menyeluruh mengenai isu nadir bumi dan potensi sumbangannya kepada ekonomi Malaysia.

Antara yang hadir adalah Naib Presiden ASM, Datuk Ir Ahmad Zaidee Laidin yang juga Profesor Pelawat di UMP dan Alastair S Neill yang merupakan pakar utama nadir bumi dari Kanada yang juga Naib Presiden Eksekutif Dacha Strategic Metals.

Lain-lain yang hadir adalah Pengarah Makmal Bahan Kimia dan Aplikasi Nadir Bumi,

Profesor Chun-Hua Yan dari Peking University, Ketua Makmal Analitik Jabatan Pengurusan Keselamatan, Christoph Wilhelm dari Karlsruhe Institute of Technology (KIT) di Jerman dan Jack Lifton, pengasas bersama Technology Metals Research LLC dari Amerika Syarikat.

Hadir menyambut delegasi ialah Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Engr. Dr. Badhrulhisham Abdul Aziz dan Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin.

Menurut Profesor Engr. Dr. Badhrulhisham, kunjungan ini memberi peluang kepada UMP berkongsi kepakaran mengenai hasil kajian terhadap nadir bumi bersama pakar dari luar negara.

Beliau yang dilantik menganggotai Jawatankuasa Kerja Nadir Bumi, ASM dan Pengerusi Jawatankuasa Kerja Penyelidikan Nadir Bumi UMP berkata, pihak universiti mempunyai ramai penyelidik dan kepakaran dalam menjalankan kajian berkaitan nadir bumi.

"Kunjungan ini juga memberi peluang kepada UMP untuk mengadakan rundingan kerjasama dengan pihak KIT dan Peking University dalam bidang akademik dan

penyelidikan," katanya selepas menyampaikan taklimat universiti kepada pihak delegasi di Dewan Bankuet, Canseleri UMP.

Sementara itu, Dekan Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI), Profesor Dr. Mashitah Mohd. Yusoff berkata, hasil penyelidikan nadir bumi yang dijalkannya sendiri bersama Profesor Jose Rajan dengan kerjasama Kolej Universiti Trivandrum (India) dan Syarikat Noritake (Jepun), sebagai contoh, berjaya menghasilkan sebatian kompleks dielektrik baharu berbentuk nanokristal yang dihasilkan untuk kegunaan bahan elektronik bagi kegunaan harian pengguna yang lebih mesra alam.

Katanya, sebatian berpotensi bagi contoh aplikasi seramik gelombang mikro dengan kehilangan dielektrik yang rendah ini dapat bertindak balas dengan memanfaatkan elemen nadir bumi thulium. Hasil penyelidikan sejak dua tahun lalu juga telah diterbitkan dalam *Journal of Alloys and Compounds* pada tahun ini.

Dato' Dr. Daing mengharapkan kunjungan ini dimanfaatkan dan seterusnya membina jaringan kerjasama dalam berkongsi kepakaran dengan pakar dari luar negara bagi merencanakan budaya penyelidikan di UMP.

SeMAMPAN anjur Forum Bicara Nadir Bumi



Lebih 300 mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) menghadiri Forum Bicara Ilmu bertajuk *'Rare Earth Technology: Perception and Fact'* bagi mendapatkan pengetahuan mengenai bahan mineral nadir bumi termasuk pemrosesan dan pembangunan serta kaitannya dengan pembinaan kilang memproses nadir bumi oleh Lynas Corporation Sdn. Bhd. di Gebeng.

Forum dianjurkan Sekretariat Majlis Mahasiswa Anak-anak Pahang (SeMAMPAN) UMP dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (Saffad) bertempat di Dewan Kuliah Utama Blok W di UMP Gambang pada 19 April 2012 yang lalu.

Seramai empat ahli panel melibatkan Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Engr. Dr. Badhrulhisham Abdul Aziz, Pengurus Besar Kilang Lynas Malaysia, Mohd. Khairul Salleh Jais, Pengarah Malaysia Investment Development Malaysia (MIDA) Negeri Pahang, Hajah Rosidah Mazlan dan Pengarah Bahagian Sokongan Teknikal, Lembaga Perlesenan Atom & Nuklear Malaysia (EALB), Yassin Hj Sudin.

Manakala, forum dikendalikan Pengerusi GPMS Negeri Pahang yang juga bekas Presiden Mampam Negeri Pahang, Wan Emril Wan Embong sebagai moderator.

Menurut pengarah program yang juga merupakan Pengerusi SeMAMPAN UMP, Nor Adila Said, penganjuran forum ini memberi peluang pelajar mendapatkan penjelasan dari aspek akademik dan tenaga pakar rentetan terdapatnya pelbagai pandangan berkaitan penggunaan bahan nadir bumi ini.

"Penjelasan ini penting bagi pelajar yang

mempunyai latar belakang kejuruteraan dan teknologi untuk lebih memahami dalam berdepan dengan senario semasa masyarakat pada masa ini," kata beliau yang mengambil jurusan kejuruteraan kimia dan mempelajari subjek *'Plant Design'* di tahun keempat pengajian.

Katanya, melalui saluran ini pelajar bebas melontarkan idea dan persoalan, malah sebagai golongan terpelajar mereka wajar menyampaikan fakta atau maklumat yang tepat kepada masyarakat.

Dalam membicarakan tentang operasi kilang Lynas, Profesor Dr. Badhrulhisham berkata, semua operasi kilang masing-masing mempunyai risikonya.

Namun, persoalannya adakah risiko itu boleh diurus atau diminimakan dengan tidak membahayakan keselamatan dan kesihatan orang ramai serta alam sekitar dan ianya perlu dilihat dalam semua aspek.

Beliau yang mempunyai pengalaman lebih 15 tahun dalam industri termasuk pembinaan kilang berkata, pengurusan risiko perlu dilihat dari sudut teknikal, ekonomi, alam sekitar, sosial dan lain-lain berkaitan sebelum membuat keputusan untuk membuat pelaburan.

"Kilang Lynas juga tidak terkecuali dari hal-hal ini dan melihat kepada aspek yang dinyatakan ini, ianya boleh dikategorikan sebagai sebuah kilang yang risikonya rendah dengan syarat semua langkah-langkah keselamatan, pemantauan dan penguatkuasaan dilakukan dengan baik," katanya yang dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kerja Penyelidikan Nadir Bumi

UMP dan menganggotai Jawatankuasa Kerja Nadir Bumi di Akademi Sains Malaysia.

Mohd. Khairul berkata, kilang Lynas adalah kilang kimia biasa yang memproses *'rare earth concentrate'* yang menghasilkan logam nadir bumi melalui proses-proses fizikal dan kimia dalam proses pemisahan unsur bahan mineral ini.

"Nadir bumi merupakan bahan yang sentiasa dicari-cari untuk digunakan dalam peralatan elektronik, aeroangkasa, perubatan, ketenteraan, automotif dan telekomunikasi termasuk telefon bimbit dan industri ini dijangka akan terus meningkat," katanya.

Beliau berkata, pengoperasian kilang Lynas di Malaysia bukanlah suatu yang unik, malah sehingga kini terdapat sebanyak 36 buah syarikat pemrosesan nadir bumi sedang beroperasi di 14 negara seluruh dunia.

Bagi pelajar Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE), Norliana Che Nora@Norazmi, 21 berkata, program ini banyak memberi pendedahan tentang keperluan nadir bumi kepada dunia teknologi hari ini.

Beliau teruja untuk menyertai lawatan bersama 100 pelajar lain untuk menyaksikan sendiri infrastruktur kilang Lynas di Gebeng.

Sementara itu pelajar Ijazah Kejuruteraan Awam, Sim Sin Yee, 22 berkata, forum ini dapat memberi gambaran yang jelas tentang apakah nadir bumi dan bagaimana kilang Lynas beroperasi.

Forum turut dihadiri Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, Pengurus Kanan Bahagian Sumber Manusia, Pentadbiran dan Komuniti di Lynas Corporation Ltd dan pegawai-pegawai dari EALB.

Delegasi UTY Indonesia lawat UMP

Universiti Malaysia Pahang (UMP) menerima kunjungan lawatan rasmi delegasi daripada Universiti Teknologi Yogyakarta (UTY) Indonesia yang diketuai Rektornya, Bambang Hardadi bagi menjalinkan hubungan kerjasama dalam bidang akademik dan penyelidikan pada 12 April 2012 yang lalu.

Menyertai delegasi UTY, Dr. Tri Bunarsih mewakili Rektor Akademik, Dr. Bambang Moertono sebagai Dekan Fakulti Informasi & Teknologi dan Dosen Akademik, Kristiantyo PW Semmaki.

Delegasi disambut mesra Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim serta pengurusan universiti iaitu Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dr. Badhrulhisham Abdul Aziz, Dekan Pusat Pengajian Siswazah, Profesor Datin Dr. Nasly Mohamed Ali, Dekan Pusat Bahasa & Sains Kemanusiaan (PBMSK), Profesor Dr. Abdul Jalil Borham dan Pengarah Pejabat Antarabangsa, Profesor Madya Ainol Haryati Ibrahim.

Hadir sama Pensyarah Kanan, Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP), Dr. Rohani Abu Bakar dan Pensyarah Kanan PBMSK, Dr. Norrihan Sulan.

Dalam ucapannya, Dato' Dr. Daing Nasir berkata, pihak UMP amat berbesar hati menerima kunjungan delegasi UTY yang berpeluang melawat kampus UMP di Kuala Pahang dan kampus UMP di Gambang.

"UMP dan UTY bakal menjalinkan kerjasama akademik melibatkan pertukaran pelajar dan staf, penempatan pelajar siswazah, profesor pelawat, penyelidikan serta penerbitan.

Katanya, perbincangan turut melibatkan kerjasama empat bidang tumpuan berkaitan program Kejuruteraan Awam, Teknologi Industri, Mekanikal, Sistem Komputer dan Teknologi Maklumat (IT).

Selain itu, kedua-dua universiti merancang menganjurkan program bahasa Mandarin dengan kerjasama PBMSK dan Pusat Bahasa Mandarin dan Kebudayaan (MLCC) sebagai inisiatif meningkatkan penguasaan bahasa Mandarin di kalangan pelajar dalam memenuhi peluang pasaran pekerjaan di peringkat nasional dan antarabangsa.

Bambang Hardadi berkata, UTY yang mempunyai lebih 7000 pelajar berhasrat menghasilkan dan mengembangkan program pendidikan yang inovatif bagi mencapai universiti unggul pada tahun 2021.

Justeru katanya, kerjasama ini dijangka dapat merealisasikan hasrat UTY memiliki 50 peratus di kalangan pensyarahnya mempunyai ijazah kedoktoran.





Delegasi Sudan tinjau peluang kerjasama

Universiti Malaysia Pahang (UMP) menerima kunjungan daripada delegasi Omdurman Islamic University (OIU) bagi meninjau peluang kerjasama dalam bidang akademik dan penyelidikan melibatkan kedua-dua universiti.

Delegasi yang diketuai Naib Canselor OIU, Profesor Hassan Hassan Abbas Ibrahim bersama Dekan Fakulti Farmasi, Dr. Eltayeb Mohamad Eltayeb, Pendaftar, Dr. Salih Hasab El Rasoul, Dekan Fakulti Kejuruteraan, Dr. Muhammad Ali - Haj Allouba, Timbalan Dekan, Dr. Mona Abdel Moneim Mohammad Majeed dan Pengarah Eksekutifnya, Dr. Mujahid Mohammed Said.

Hadir menyambut delegasi, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dr. Badhruhisham Abdul Aziz, Pengarah Pusat Inovasi & Daya Saing Akademik (CAIC), Profesor Madya Dr. Wan Azhar Wan Yusoff, Pengarah Pejabat Antarabangsa, Profesor Madya Dr. Ainol Haryati Ibrahim dan pegawai-pegawai kanan universiti.

Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, UMP mengalu-alukan kesudian delegasi untuk melawat

universiti ini dan mengharapkan kunjungan ini akan membentuk jalinan kerjasama yang boleh dimanfaatkan kedua-dua pihak.

"Pada masa ini, UMP juga mempunyai pensyarah dari Sudan, malah terdapat juga seramai lapan orang pelajar dari Sudan yang sedang menyambung pengajian di peringkat ijazah kedoktoran dan sarjana di universiti ini," katanya semasa menyambut kunjungan delegasi dan perbincangan di Bilik Mesyuarat Senat UMP pada 13 April 2012 yang lalu.

Sementara itu, menurut Profesor Hassan, OIU milik penuh kerajaan Sudan yang ditubuhkan sejak tahun 1912 yang pada masa itu disebut *institute* dan menjadi universiti pada tahun 1965.

"Pada masa ini, OIU mempunyai seramai 47,000 pelajar termasuk yang menuntut di 19 kolej dan lima institut dalam dan luar Sudan," katanya yang berhasrat meneroka lebih banyak peluang kerjasama memandangkan pihak OIU menerusi Fakulti Sains Kejuruteraan juga menawarkan bidang Kejuruteraan.

Delegasi turut berpeluang melawat Makmal Berpusat UMP dan Makmal Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA).



UMP perkukuh hubungan bilateral dengan UoS

Oleh: ENGR. SHARIZA MAT ARIS



Sejajar dengan visi Universiti Malaysia Pahang (UMP) untuk menjadi universiti teknologi bertaraf dunia, Pusat Penyelidikan & Pengurusan Sumber Alam (CERRM) mengadakan lawatan penyelidikan ke University of Seoul (UoS), Korea Selatan pada 20 April 2012 yang lalu.

Lawatan penyelidikan yang diketuai Pengarah CERRM, Dr. Wan Mohd Faizal Wan Ishak itu adalah hasil kerjasama yang terjalin antara UoS dan UMP yang dimeterai semasa berlangsungnya 'Seminar on River Health Management' baru-baru ini di Kuala Lumpur.

Hadir menyertai lawatan adalah pegawai daripada Jabatan Pengairan & Saliran (JPS) Malaysia. Delegasi disambut mesra Presiden UoS iaitu Profesor Dr. Kun Lee.

Menurut Dr. Wan Faizal, sebagai salah sebuah pusat kecemerlangan di UMP, CERRM

bertanggungjawab dalam membangunkan penyelidikan dan perundingan secara kolektif di antara universiti dan industri.

"Beberapa elemen penting yang dipersetujui melibatkan kolaborasi pendidikan dalam pertukaran pelajar dan staf serta kolaborasi penyelidikan yang melibatkan penyelidikan bersama dan juga program berkembar.

"Elemen persefahaman ini dilihat akan memberi impak yang berguna kepada kedua-dua buah universiti dalam hubungan dua hala," katanya.

Dr. Wan Faizal berkata, pada peringkat awal, CERRM memfokuskan bidang teknologi alam sekitar memabitkan penyelidikan projek pemantauan kualiti air sungai secara atas talian yang diketuai oleh Profesor Kim Hyunook dari Jabatan Kejuruteraan Alam

Sekitar UoS.

Selain itu, delegasi turut berpeluang melawat LOC Station di Empangan Paldang yang menggunakan tangki untuk penyimpanan sisa kumbahan dari kawasan ternakan dan ianya dibina di bawah tanah.

Dr. Wan berkata, peralatan menyukat kualiti air kumbahan seperti yang ada di stesen ini akan dibawa ke UMP untuk dijalankan beberapa kajian yang berkaitan bagi kerjasama penyelidikan antara kedua-dua universiti ini.

Sementara itu, Dr. Wan Faizal mengharapkan hasil lawatan ke IPO Weir dan Yeosu Weir yang merupakan dua daripada empat Projek '4-River' Korea Selatan ini akan menjadi penanda aras kepada projek penyelidikan pemuliharaan sungai-sungai di Malaysia pada masa akan datang.



FSKKP jalin hubungan baik dengan syarikat peneraju industri komputer dan perisian

Oleh: AZLINA ZAINUDDIN

Universiti Malaysia Pahang (UMP) buat julung kalinya berjaya mengumpulkan 21 buah syarikat peneraju utama dalam bidang industri komputer dan perisian dalam mewujudkan jaringan strategik dalam Majlis Hi-Tea anjuran Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP) di Hotel Istana, Kuala Lumpur pada 9 Februari 2012 yang lalu.

Antara yang hadir melibatkan penjana industri utama seperti IBM Malaysia Sdn. Bhd., (IBM), HeiTech Padu Bhd, MIMOS, iPerintis Sdn. Bhd., Significant Technologies Sdn. Bhd. dan MSTB.

Menurut Dekan FSKKP, Profesor Dr. Jasni Mohamad Zain, program ini bertujuan untuk meneroka peluang kerjasama penyelidikan berkaitan isu semasa dalam pasaran industri ICT.

Dr. Jasni berkata, pihak fakulti juga dapat menerima maklum balas terhadap program prasiswazah fakulti dengan menambah baik aktiviti pengajaran dan pembelajaran supaya ianya selari dengan keperluan industri.

“Pertemuan ini juga memberi peluang kepada pihak FSKKP dalam memperkenalkan program pengajian peringkat siswazah di kalangan mereka yang berminat untuk meneruskan pengajian di UMP,” katanya semasa menyampaikan ucapan sempena majlis ini.

Beliau berkata, selain memberi peluang kerjasama yang berpotensi menerusi Pusat Perniagaan FSKKP, kerjasama ini juga diharapkan dapat membuka peluang untuk staf fakulti ini membuktikan kepakaran mereka kepada pihak industri.

Hadir dalam majlis yang sama, Naib Presiden Operasi dan Perkhidmatan Pusat Data HeiTech Padu, Wan Zailani Wan Ismail, Profesor Dr. Mohamad Khazani Abdullah dari Significant Technology Sdn. Bhd., Mohd. Azmi Yaacub dari iPerintis Sdn. Bhd. dan Fong Yee Long dari IBM.

Program ini mampu menyumbangkan hasil kepada kedua-dua belah pihak dan penganjurannya akan diteruskan pada masa akan datang untuk memastikan hubungan baik FSKKP dan industri akan lebih bermakna.



UMP sasarkan kecemerlangan pelaksanaan *Self-Assessment* SETARA 11 dan D-SETARA 11

Oleh: NORUL FADILAH ABDULLAH

SETARA merupakan satu eksekusi penarafan semula yang bertujuan untuk mengukur tahap kualiti pengajaran dan pembelajaran program prasiswazah semua Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia. Proses penarafan SETARA ini dilakukan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) setiap dua tahun dengan berpandukan instrumen-instrumen tertentu.

Sesi penarafan kali ini adalah berdasarkan kepada instrumen baharu yang dikenali sebagai SETARA 2011 yang ditetapkan oleh pihak Jawatankuasa Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi (SETARA 11) dengan persetujuan semua IPT di Malaysia.

Hasil daripada penarafan ini akan menentukan status IPT tersebut sama ada berada dalam julat tier satu (lemah) hingga tier enam (terbilang). Pada tahun 2009, UMP berada di tier empat (sangat baik) di mana hasil ini juga akan dikeluarkan di media massa/media utama dan amat memberi implikasi dari segi penjenamaan IPT.

Manakala D-SETARA pula adalah singkatan kepada Sistem Penarafan Disiplin Pengajian (*Discipline-Based Rating System, D-SETARA*) yang akan memberi fokus kepada disiplin pengajaran Kejuruteraan dan program-program yang telah diiktiraf oleh Lembaga Jurutera Malaysia (BEM).

Secara amnya, ia menggunakan instrumen D-SETARA bagi setiap disiplin pengajian yang sebahagiannya hampir sama dengan SETARA 2011.

Pengurusan SETARA dan D-SETARA 11 di UMP dikendalikan oleh Pusat Inovasi & Daya Saing Akademik (CAIC), Jabatan Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa (JHEAA) dengan sokongan daripada pihak Pusat Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti (PPKPK).

Dalam melaksanakan *self-assessment* untuk SETARA 11 dan D-SETARA 11 ini, pihak MQA telah membekalkan beberapa dokumen yang perlu diisi oleh setiap IPTA serta rujukan iaitu:

Bil.	Dokumen	Keterangan
1.	<i>Section A: General Information</i> *(D-SETARA 11 – Only for engineering programme accredited by EAC)	i. IPT perlu (wajib) mengisi dengan menyatakan secara <i>fact & figure</i> data-data tentang staf akademik, staf sokongan, Pelajar, Kewangan dan ruang untuk Pengajaran & Pembelajaran sepanjang tahun 2011. ii. Akan diteliti oleh pihak MQA.
2.	<i>Section B: Self-assessment by Institution</i>	1. IPT perlu (wajib) mengisi dengan membuat penilaian sendiri berasaskan skala 1-5. 2. Mempunyai kategori <i>Input</i> (8 kriteria) dan <i>Process</i> (4 kriteria). 3. Akan diteliti oleh pihak MQA.
3.	<i>Summary Instrument</i>	Panduan di peringkat MQA.
4.	<i>GLOSSARY : Definition & Description of Indicators used</i>	Sebagai rujukan di IPT.
5.	<i>DISCIPLINE CLASSIFICATION : Field of studies and classification for SETARA 11 & D-SETARA 11</i>	Sebagai rujukan di IPT.

Di UMP, proses pengumpulan dilakukan dengan setiap pegawai bertanggungjawab di Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang berkenaan diminta untuk memasukkan data-data SETARA 11 ke dalam sistem *e-Dashboard* yang dibangunkan oleh PPKPK.

Namun, pengumpulan data-data D-SETARA 11 dilakukan secara manual kerana instrumen masih belum dimuat

naik ke dalam sistem. Pihak sekretariat telah memasukkan data-data yang diperlukan dengan berdasarkan kepada informasi yang diperoleh daripada setiap pegawai bertanggungjawab. Data-data tersebut kemudiannya dibentangkan kepada Pengurusan Tertinggi UMP yang dipengerusikan oleh Naib Canselor UMP sendiri.

Urus setia berjaya menghantar

kesemua maklumat yang diminta ke Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) tepat pada waktunya dan berharap agar kecemerlangan keputusan yang lalu dapat dikekalkan bagi penarafan kali ini. Kecemerlangan ini adalah penting untuk mengekalkan kecemerlangan penarafan SETARA UMP seperti pada tahun 2009.



PBMSK anjur English Camp S.YO.K bersama pelajar MRSM

Oleh: NOR SUHARDILIANA SAHAR

Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK), Universiti Malaysia Pahang dan Kelab Intelligentsia PBMSK menganjurkan Perkongsian Pintar *English Camp Share Your Knowledge* (SYOK) bertempat di Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Kuantan baru-baru ini bagi meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan pelajar sekolah.

Penyertaan melibatkan 82 orang pelajar MRSM dengan dibantu 20 orang fasilitator daripada Kelab Intelligentsia

Menurut penyelaras program, Nor Suhardiliana Sahar, penganjuran ini merupakan program SYOK siri kedua yang diadakan di kalangan empat buah sekolah kluster sekitar Kuantan melibatkan Sekolah Menengah Abdul Rahman Talib, Sekolah Menengah Sultanah Hajjah Kalsom, Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Pekan dan Sekolah Menengah Sultan Haji Ahmad Shah

awal tahun ini.

“Program ini mendapat sokongan daripada pihak MRSM Kuantan sendiri yang bertujuan meningkatkan lagi pemahaman pelajar dalam kemahiran berbahasa Inggeris.

“SYOK menekankan empat kemahiran bahasa iaitu membaca, menulis, mendengar dan bertutur. Manakala, komponen tatabahasa yang ditekankan adalah *Verbs, Adjectives, Simple Present Tense dan Simple Past*.

“Namun pada kali ini, pengisian ditambah dengan empat aspek tatabahasa iaitu *Gerund, Adjectives, Infinitive dan Perfect Tenses* atas permintaan pihak sekolah,” katanya.

Menurut beliau, hasil pembelajaran dikukuhkan lagi dengan aktiviti dalam kumpulan yang diadakan selepas setiap slot pengajaran. Selain itu, aktiviti-aktiviti yang

bersifat kemahiran berfikir dan komunikasi turut diselitkan di dalam program ini.

Program SYOK dirasmikan oleh Pengetua MRSM Kuantan, Tuan Haji Khalil Abdul Rahman dan antara yang hadir ialah pensyarah dan guru bahasa UMP, Ezihaslinda Ngah, Noor Azlinda Zainal Abidin dan Siti Ainun Jariah Hassan.





130 hasil penyelidikan dalam pameran Citrex 2012

Lebih 130 hasil penyelidikan Universiti Malaysia Pahang (UMP) dipamerkan dalam Pertandingan Penyelidikan sempena Pameran Kreativiti, Inovasi, Teknologi & Penyelidikan (CITREX 2012) anjuran Jabatan Penyelidikan & Inovasi dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (Saffad) di Kompleks Sukan UMP pada 28 Mac 2012 yang lalu.

Pertandingan melibatkan penyertaan seramai 88 orang staf akademik dan 42 pelajar mewakili lapan fakulti di UMP bertujuan menampilkan hasil penyelidikan UMP untuk dipertandingkan ke peringkat yang lebih tinggi sama ada peringkat kebangsaan atau pun antarabangsa.

Menurut Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus, program ini juga platform terbaik menilai kreativiti penyelidik dan pelajar selain menyumbang terhadap pembangunan teknologi untuk masa depan.

"Daripada jumlah projek yang dipertandingkan sebanyak 22 produk dianugerahkan pingat emas, 44 projek dianugerahkan pingat perak dan 39 projek lagi menerima pingat gangsa," katanya semasa menyampaikan ucapan di Majlis Penutup CITREX 2012 dan penyampaian hadiah kepada

para pemenang.

Beliau berkata, kemampuan penyelidik menghasilkan penemuan baharu dan teknologi berteraskan pengetahuan dan penyelidikan ini akan melonjakkan nama UMP ke peringkat antarabangsa.

Majlis menyaksikan Anugerah *Best Of The Best* bagi kategori staf dimenangi Profesor Madya. Dr Abdulrahman Hamidnour dari Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) dengan projek bertajuk "A Technique for Emulsion Fuel". Penyelidikan turut melibatkan Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus, Dr Azhari Hamid Nour dan Agung.

Manakala bagi *Best Of The Best Award* kategori pelajar diraih oleh Norazura Abdul Halim dan Rosyati Hamid dengan tajuk projek "Detection and Summation of Pus Cell for Sputum Quality Testing".

Manakala *Special Award (Green Technology)* sumbangan Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) dimenangi oleh Siti Fatimah Haji Che Osmi daripada FKASA dengan tajuk projek *Waste to Wealth: Ei-MAS Filter Media for Drinking Water Purification*. Lain-lain penyelidik yang terlibat adalah Dr. Wan Mohd Faizal Wan Ishak, Mohammad Iqram Zulkifli dan Muamar Zul Ikhtman

Nazari.

Turut menang pingat emas adalah pensyarah Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK), Abdul Kamil Jamaludin dengan projek "Kit Interview Akinnah Hati" dan Ir. Zulkeflee Khalidin dengan projek penyelidikan Elektronik Angklung dan Husna Hashim dengan tajuk projek "My Cash Kit".

Bagi kategori pelajar pingat emas turut dimiliki Rawaida Jaafar dan Faradila Naim dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) dengan projek "Unclean Hand Detection Machine Using Vision Sensor"; Muhammad Iqram Zulkifli dengan projek "I-POA Filter Media for treatment Industrial Waste Water" dan Nurul Ain Zainodin dengan projek "The Suitability of Anadora Granosa As An Alternatives To Limestone For Ameliorating Surface Water Acidification".

Lebih 500 warga universiti dan pengunjung hadir menyaksikan pameran melibatkan pelajar sekolah sekitar Kuantan antaranya daripada Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Kuantan, Sekolah Menengah Teknik Kuantan, Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Pekan dan Sekolah Menengah Sains Sultan Haji Ahmad Shah (SMSAS).



Pertandingan melibatkan penyertaan seramai 88 orang staf akademik dan 42 pelajar mewakili lapan fakulti di UMP bertujuan menampilkan hasil penyelidikan UMP untuk dipertandingkan ke peringkat yang lebih tinggi sama ada peringkat kebangsaan atau pun antarabangsa.





FIST anjur Seminar Bioteknologi



Oleh: NAZIRA MAHMUD

Kerajaan Negeri Pahang dengan kerjasama Fakulti Sains dan Teknologi Industri, UMP menganjurkan Seminar Bioteknologi bersempena dengan Karnival Bio-ICT Negeri Pahang 2012 pada 3 Mac 2012 yang lalu.

Penganjuran seminar ini menjadi satu medium yang berkesan sebagai satu usaha untuk membangunkan bidang bioteknologi di Negeri Pahang khususnya untuk memperkenalkan dan menggalakkan aplikasi dan pembangunan bidang bioteknologi di negeri Pahang.

Dekan Fakulti Sains & Teknologi Industri (FIST), Profesor Dr. Mashitah Mohd. Yusoff berkata, bidang bioteknologi di negeri Pahang pada masa ini masih di tahap pertengahan dan perlu di pertingkatkan lagi.

Menurut Dr. Mashitah, UMP mempunyai Pusat Kecemerlangan (CoE) Biodiversiti dan Bioteknologi yang berperanan sebagai pusat pengembangan ilmu yang menggabungkan kepakaran dan kemahiran dalam bidang tersebut.

"Pusat ini menawarkan latihan, perkhidmatan dan konsultasi kepada pihak usahawan dan penyelidik. Malahan, ianya akan dapat mengoptimumkan biodiversiti

dan biosumber bagi meningkatkan R&D bioteknologi dan biopengeluaran di negeri Pahang.

"Selain itu ianya juga berperanan memberi penerangan kepada pihak industri, media dan orang ramai mengenai Pelan Strategik Biodiversiti dan Bioteknologi Negeri Pahang dan seterusnya membangunkan projek penyelidikan, pembangunan dan pengkomersilan (R&D&C) berkaitan dengan biodiversiti dan bioteknologi," kata beliau yang turut menyampaikan ceramah bertajuk '*Positioning Pahang State in a Bioeconomy*'.

Naib Presiden, Bahagian Pembangunan Perniagaan dan Pelaburan (Industri), Malaysian Biotechnology Corporation (Biotechcorp), Zainal Azman Abu Kasim berkata, usaha FIST dan Kerajaan Negeri Pahang dalam penganjuran seminar ini adalah satu titik tolak dalam pembangunan bidang bioteknologi di negeri Pahang khususnya yang kaya dengan sumber biodiversiti.

Lebih 200 peserta di kalangan wakil industri, pelajar dan kakitangan kerajaan hadir mendengar ceramah dari pelbagai cabang bidang bioteknologi merangkumi bidang bioteknologi pertanian, bioteknologi

penjagaan kesihatan dan bioteknologi perindustrian.

Pada majlis yang sama turut menyaksikan majlis pertukaran dokumen memorandum persefahaman (MoU) antara UMP yang diwakili Naib Canselor, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Technology Park Malaysia yang diwakili Ketua Bahagian Biotech, Fadzhairi Abd. Jabar.

Kedua-dua agensi akan bekerjasama dalam pembangunan penyelidikan berteraskan bioteknologi industri.

Kolaborasi akademik dan industri ini juga akan melibatkan perkongsian kepakaran dalam pembangunan pengekstrakkan dan pembangunan piawaian kualiti produk herba terpilih seperti kacip fatimah, tongkat ali serta gaharu.

Dengan temeterainya MoU antara kedua-dua pihak ini, ianya akan membantu dalam perkembangan industri herba selaras dengan keperluan pasaran dan pembangunan penyelidikan termasuk membantu pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana (IKS) dalam pengkomersialan produk-produk agar menepati piawaian kualiti untuk menembusi pasaran antarabangsa.



4 pelajar Kejuruteraan Awam cipta sejarah di Taiwan

Empat pelajar Diploma Kejuruteraan Awam, Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA), Universiti Malaysia Pahang (UMP) mencatat sejarah apabila berjaya meraih dua pingat emas, dua pingat perak dan membolot enam Anugerah Khas dalam Pameran Antarabangsa Pereka Muda (IEYI 2012) anjuran *Far East University, Taiwan Invention & Intellectual Property Association* di Taiwan pada 12 Februari 2012 yang lalu.

Pingat emas dianugerahkan buat Amirudin Ibrahim menerusi projek penyelidikan bertajuk, *“UMPIae : Integrated of Fish and Vegetable Waste From Fresh Market to Generate Alternative Energy”* di bawah seliaan pensyarah dari FKASA, Abdul Syukor Abd. Razak. Projek yang menghasilkan tenaga alternatif bersepadu daripada bahan buangan sisa ikan dan sayuran terbuang ini turut menerima dua Anugerah Khas iaitu *Taiwan Invention Association Special Award* dan *Korea Invention Academic Award*.

Berkongsi kejayaan, Mohamad Hafizuddin Ramli yang menang pingat emas dan turut membawa pulang dua Anugerah Khas, iaitu *Korea Invention Association Award* dan *Asia Invention Creativity Special Award* bagi projek penyelidikan bertajuk

“Phytogreen: Utilizing Natural Driven Process for Domestic Wastewater Treatment Toward An Environmental-friendly Sustainable Development” yang memperlihatkan kemampuan untuk menyerap bahan cemar daripada air kumbahan domestik sehingga mencapai tahap piawaian pelepasan air kumbahan ke standard A.

Sementara itu pingat perak dianugerahkan buat Mohamad Amirul Shazwan Zakaria menerusi penyelidikannya bertajuk, *“The Development of Fungus sp. Pycnosporus sanguinis to Enhance The Performance of Artificial Bait for Attract Termites From Empty Fruit Bunch (EFB) as Environmental Friendly Pesticide”*. Penyelidikan ini menghasilkan tandan kelapa sawit tiruan bagi memerangkap anai-anai.

Penyelidikan yang diselia oleh pensyarah dari FKASA, Abdul Syukor Abd. Razak ini juga berjaya menerima Anugerah Khas Asia Invention Association Special Award.

Pingat perak kedua diraih Muthukumar S/O Sunthahara Raju dengan penyelidikan bertajuk *“The Potential Of Allium Cepa (Onion) As Natural Corrosion Inhibitor For Passivation In Industrial Chill Wastewater System”*. Projek seliaan Pensyarah FKASA,

Suryati Sulaiman yang menggunakan kulit bawang bagi mengurangkan kesan karat dalam paip air dalam tanah ini juga menerima *Anugerah Khas Tainan City Special Award*.

Menurut Abdul Syukor, kejayaan penyelidik muda UMP dalam pertandingan antarabangsa ini dapat menyuntik semangat untuk menarik lebih ramai pelajar membudayakan reka cipta dan lebih inovatif pada masa akan datang,” katanya.

Manakala menurut Mohamad Hafiz, penyertaan beliau dan rakan-rakan dalam pertandingan antarabangsa ini memberi peluang kepada mereka memperkenalkan UMP dan berkongsi idea tentang penyelidikan masing-masing.

Lebih membanggakan dengan kemenangan berganda ini, pihak *“World Invention Intellectual Property Associations”* (WIIPA) juga telah menganugerahkan *“The Best Instructor Award”* kepada Pensyarah FKASA, Abdul Syukor Abdul Razak, Pensyarah FKASA, Suryati Sulaiman dan Penolong Pendaftar Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (Saffad), Abdul Rahman Ahmad yang turut sama menyumbang dalam mencipta kejayaan ini.



FKEE anjur Celik Elektronik dedah bidang robotik untuk pelajar sekolah

Menyedari kepentingan bidang industri elektrik dan elektronik dalam menyumbang kepada pembangunan negara, Universiti Malaysia Pahang (UMP) melalui Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) telah menganjurkan program Celik Elektronik di kalangan 80 pelajar sekolah tingkatan empat dan lima melibatkan Sekolah Menengah Kebangsaan Indera Shahbandar (SMKIS) dan Sekolah Menengah Kebangsaan Nenas (SMKN) dalam bidang robotik.

Program ini mendapat kerjasama daripada Jabatan Hal Ehwal Pelajar (Saffad) yang bertujuan menarik minat pelajar untuk memahami dan mengorak langkah dalam bidang robotik agar seiring dengan teknologi serta memenuhi keperluan kehidupan pada masa ini.

Menurut Pegawai Latihan Vokasional, Nasrul Salim Pakheri merangkap Pengarah Program berkata, dengan mempelajari teknologi robotik ini pelajar menjadi lebih kreatif dan inovatif dalam mengaplikasikan idea sendiri.

"Pelajar didedahkan dengan program teori litar, aplikasi litar dan komponen serta pembangunan 'mini projek' dan aplikasi.

"Pendedahan ini berjaya dimanfaatkan pelajar dalam memahami sistem elektrik, elektronik, mekanikal mudah dan kawalan terutamanya melibatkan mekatronik dan robotik," katanya.

Sementara itu, pengetua sekolah SMKIS, Hajah Umi Kalsom Abd Aziz berkata, penglibatan dalam teknologi robotik dalam kurikulum sekolah memerlukan peruntukan yang besar.

Namun, katanya, penganjuran program dengan kerjasama yang melibatkan pakar yang berpengalaman dari UMP ini dapat memberi peluang pelajar meminati dan terus mendalami bidang teknologi robotik.

"Pelajar juga dapat memahami kepentingan subjek Matematik, Fizik dan Kimia dalam menyelesaikan masalah dan mendalami aspek lain termasuk kerja berpasukan dan kemahiran menyelesaikan masalah dengan mudah.

"Pendedahan awal sebegini akan memberikan suntikan semangat kepada pelajar untuk mengenali lebih dekat teknologi robotik yang selama ini dipelopori bangsa lain contohnya masyarakat Jepun," katanya.

Pelajar sekolah Mohd Rifaie Zuhairi, 16 mengatakan beliau gembira dapat mempelajari ilmu elektronik khususnya dalam bidang robotik kerana selama ini tidak pernah mencubanya dari dekat.

"Kebiasaan teknologi ini hanya boleh diperoleh di universiti, kilang-kilang serta hanya dilihat di kaca televisyen sahaja tetapi dengan adanya program seperti ini dapat membantu beliau dan rakan-rakan yang lain menghasilkan sesuatu benda dibuat hasil titik peluh kami sendiri," jelas beliau.

Bagi Ku Azarina Jamal Akhshah, 16 mengaku sangat berminat untuk mendalami bidang robotik ini dan merupakan pengalaman baharu bagi dirinya.

"Ternyata apa yang saya pelajari ini membuktikan teknologi robotik dapat memberi kemudahan, kesenangan dan membantu dalam kehidupan seharian kita," katanya.

Hadir pada majlis penutupan ini adalah Pengerusi Persatuan EEES, Muhammad Sufyan Abd Kadir, Penyelaras program, Zailini Mohd. Ali termasuk pensyarah dan Pegawai Latihan Vokasional FKEE sebagai fasilitator program.



Sempurnakan amanah kepimpinan dengan penuh kesedaran – NC

Oleh: WAN NAZRUL HELMY WAN MOHD ZAIN

Amanah kepimpinan yang disempurnakan dengan penuh kesedaran dan kebertanggungjawaban mampu mencetuskan iklim yang positif, sihat dan selamat di sekolah, sekaligus mewujudkan persekitaran pengajaran dan pembelajaran kondusif serta menatijahkan pengalaman bermanfaat kepada para pelajar.

Demikian seruan oleh Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim ketika berucap di hadapan warga Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tengku Abdullah, Pekan sempena Majlis Penyampaian Watikah Pelantikan Pemimpin Pelajar sekolah itu pada 2 Mac 2012 yang lalu.

Dato' Daing Nasir turut menyarankan supaya ruang kerjasama yang lebih luas terus diteroka oleh pihak UMP dan SMK Tengku Abdullah merangkumi peningkatan pencapaian akademik, pemerkasaan kompetensi dan peranan guru, motivasi dan kepimpinan pelajar serta kesedaran sains dan teknologi.

Beliau amat sukacita kerana para pengawas yang ditauliahkan berjaya mengikuti latihan kepimpinan dalam Kem Interaksi Pemimpin Muda kendalian Kelab In-Smartive UMP pada 24 hingga 26 Februari 2012 yang lalu.

Seramai 76 pengawas sekolah dan 21 pengawas pusat sumber menerima watikah pelantikan masing-masing daripada Dr. Daing Nasir. Turut hadir ialah Yang di-Pertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), Haji Wan Mohd Zain Wan Mahmood, Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid, Haji Abdullah Salleh dan Timbalan Presiden Kelab In-Smartive UMP yang juga Pengurus Projek Kem Interaksi Pemimpin Muda, Nurul Noramelya Zulkifli.

Pada majlis itu juga, Amir Nasharuddin Che Mat Nasir, 19 dan Farisya Nadia Jabbar, 19 masing-masing diumumkan sebagai Ketua Pengawas Lelaki dan Ketua Pengawas Perempuan.

Farisya Nadia juga turut menerima anugerah Peserta Terbaik Kem Interaksi Pemimpin Muda bersama seorang lagi pengawas, Lutfi Abu Talib, 19.

"Pengalaman yang ditimba daripada Fasilitator Kelab In-Smartive UMP semasa Kem Interaksi Pemimpin Muda begitu berharga untuk membolehkan kami berperanan sebagai pemimpin pelajar yang efektif dan efisien di sekolah dengan menghayati semangat kerja berpasukan yang tinggi," ujar Amir Nasharuddin, yang juga penuntut Tingkatan 6 Atas ketika ditemui selepas majlis tersebut.





Maulidur Rasul disambut meriah



Lebih 700 warga Universiti Malaysia Pahang (UMP) menyertai perarakan sempena Sambutan Maulidur Rasul 1433H Peringkat Universiti pada 14 Februari 2012 yang lalu bagi meraikan keputeraan Baginda Rasulullah SAW anjuran Pusat Islam & Pembangunan Insan (PIMPIN).

Dalam ucapannya, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir mengingatkan warga universiti mensyukuri nikmat keamanan dan kemerdekaan di Malaysia, tatkala saudara-saudara seagama di negara lain sedang diuji dengan ketidakstabilan ekonomi, sosial dan politik akibat peperangan, perpecahan, penindasan dan penganiayaan.

Menyingkap usia sedekad kewujudan UMP, beliau berkata, kelestarian ekosistem universiti amat bergantung kepada keupayaan warga universiti ini untuk mengangkat nilai persefahaman pada tahap yang sewajarnya bagi meraikan kepelbagaian yang ada di kampus ini.

“Dalam hubungan ini, kelima-lima Nilai Teras UMP iaitu Hubungan

yang Kuat Dengan Maha Pencipta, Teguh Dalam Mempertahankan Prinsip Yang Disepakati, Kreatif Dalam Membuat Keputusan Yang Bijaksana dan Cekal Menghadapi Cabaran sebenarnya mengangkat tema persefahaman.

“Umpamanya, kesusahan dan dugaan yang mencabar Baginda dalam peristiwa Hijrah dari kota Mekah ke Madinah merupakan isyarat bahawa proses transformasi dan migrasi yang berkesan dan bermakna menuntut pengorbanan yang tidak sedikit dan disiplin yang tinggi,” katanya semasa merasmikan Sambutan Maulidur Rasul 1433H di Masjid UMP.

Tambah beliau, pengorbanan dan perjuangan warga UMP sepanjang migrasi universiti ini ke arah kegemilangan akan menjadi amat bermakna dengan adanya persefahaman untuk mengangkat agenda perdana universiti dan pelaksanaan Pelan Strategik UMP 2011-2015.

Beliau turut merakamkan penghargaan terima kasih kepada pihak Persatuan Wanita UMP (Matahari) yang telah menyumbangkan seekor lembu bagi melengkapkan juadah makan tengah hari sempena sambutan Maulidur Rasul pada kali ini dan kerjasama semua pihak yang menyediakan makanan secara bergotong-royong.

Dalam majlis yang sama Dato' Dr Daing Nasir turut menyampaikan hadiah dan sijil sempena pertandingan perbarisan dan sepanduk terbaik. Kategori pelajar dimenangi Fakulti Teknologi (FT) diikuti tempat kedua Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) serta di tempat ketiga kontinjen Tadika Kemas Taman Agropolitan Lepar. Manakala, kategori staf pula dimenangi Jabatan Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa (JHEAA). Tempat kedua dimenangi Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (Saffad) dan di tempat ketiga dimenangi oleh Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKPP).

Beliau turut merakamkan penghargaan terima kasih kepada pihak Persatuan Wanita UMP (Matahari) yang telah menyumbangkan seekor lembu bagi melengkapkan juadah makan tengah hari sempena sambutan Maulidur Rasul pada kali ini dan kerjasama semua pihak yang menyediakan makanan secara bergotong-royong.

Dalam majlis yang sama Dato' Dr Daing Nasir turut menyampaikan hadiah dan sijil sempena pertandingan perbarisan dan sepanduk terbaik. Kategori pelajar dimenangi Fakulti Teknologi (FT) diikuti tempat kedua Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) serta di tempat ketiga kontinjen Tadika Kemas Taman Agropolitan Lepar. Manakala, kategori staf pula dimenangi Jabatan Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa (JHEAA). Tempat kedua dimenangi Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (Saffad) dan di tempat ketiga dimenangi oleh Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKPP).



UMP terima bantuan wang zakat

Universiti Malaysia Pahang (UMP) menerima bantuan wang zakat RM250,000 sumbangan daripada Majlis Ugama Islam Pahang dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) pada 20 Februari 2012 yang lalu.

Majlis yang diadakan di Dewan Bankuet Canseleri UMP Kampus Gambang bertujuan untuk membantu pelajar yang mempunyai masalah beban kewangan dalam pengajian.

Dalam majlis ini, Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim diiringi Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin menerima serahan sumbangan yang disampaikan Timbalan Yang di-Pertua MUIP yang juga Pengerusi Pusat Kutipan Zakat Pahang, Orang Kaya Indera Pahlawan Dato' Sri Wan Haji Abdul Wahid Haji Hassan dan Timbalan Yang di-Pertua MUIP yang juga Pengurus Besar Pusat Kutipan Zakat Pahang, Haji Halidan Md. Daud.

Profesor Dato' Dr. Daing Nasir berkata, dengan bantuan wang zakat ini diharap pelajar dapat memanfaatkannya untuk menampung keperluan pembelajaran mereka demi meringankan beban keluarga.

Kata Dato' Daing, pelajar mempunyai kepelbagaian latar belakang dan tahap sosioekonomi keluarga, malah ada di kalangan pelajar universiti ini yang menghadapi kesulitan kewangan untuk menampung kos sara hidup di sini berbanding rakan-rakan mereka yang lebih berkemampuan.

"Walaupun kebanyakan pelajar universiti ini menerima pembiayaan dari pelbagai agensi penaja, termasuklah Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), namun terdapat juga kes di mana pelajar yang datang dari keluarga miskin atau berpendapatan rendah menyalurkan pula wang tajaan atau pinjaman ini kepada keluarga mereka.

"Keadaan ini amatlah merisaukan pihak pengurusan universiti kerana pelajar-pelajar tersebut tidak lagi mempunyai sebarang sumber kewangan untuk menyara kehidupan mereka di UMP apabila wang tajaan atau pinjaman telah dikirim sepenuhnya kepada keluarga," kata Dato' Daing ketika berucap sempena majlis penyerahan sumbangan tersebut.

Justeru, katanya melalui Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (Saffad), usaha pemantauan kebajikan pelajar-pelajar yang menghadapi masalah ini dibuat sentiasa dari semasa ke semasa.

Menurut Dato' Sri Wan Haji Abdul Wahid, sehingga tahun 2011 terdapat peningkatan dari dua orang pembayar zakat kepada seramai 572 pembayar zakat daripada UMP.

Beliau mengharapkan lebih ramai warga UMP membuat pembayaran zakat melalui Pusat Kutipan Zakatnya.

Pihaknya juga bercadang untuk membawa penyelidik UMP bersama-sama pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) dalam menjalankan kajian bahan material dan reka bentuk masjid bersama pihak JKR ke Aceh sekitar tahun ini.

Pada masa yang sama menyaksikan serahan surat lantikan kepada Pengarah Pusat Islam & Pembangunan Insan (PIMPIN), Dr. Hassan Ahmad mewakili Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK) bagi menjalankan kajian dalam usaha membantu pihak MUIP mengesan keluarga yang daif dan insan yang memerlukan bantuan.



Kayuh..... Naib Canselor berbasikal bersama pegawai-pegawai UMP sempena Program Kampus Hijau di UMP Pekan.



Tahniah..... Tuanku Canselor menyampaikan anugerah kepada pemenang pada Majlis Anugerah Cendekia Bitara 2011.



Pemenang..... Ir. Zulkeflee Khalidin menyampaikan hadiah kepada pemenang Larian Kampus Pekan UMP 2012.



Meriah..... antara peserta yang mengambil bahagian dalam perarakan sempena Sambutan Maulidur Rasul 1433H peringkat UMP.



Gembira..... sebahagian pelajar UMP yang menerima Baucar Buku 1 Malaysia.



Berbakat Profesor Dr. Yuserie menyampaikan sajak pada Malam Puisi Riong Berita Harian.



Minat..... kanak-kanak peserta 'Sinar ECER' yang melawat makmal di UMP sedang mendengar penerangan yang diberikan oleh Mohd. Hafiz Abd. Latib.



Jamu selera.....Dato' Ismail Sabri merasai sendiri makanan yang terdapat dalam Menu 1 Malaysia bersama dengan Naib Canselor.

Klik-Klik Lensa



100 mahasiswa jayakan program Kampus Hijau

Lebih 100 pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) Kampus Pekan memeriahkan program Kampus Hijau dan Kempen Hari Sabtu tanpa Beg Plastik bagi meningkatkan kesedaran dalam menyahut seruan kerajaan terhadap penjagaan alam sekitar.

Aktiviti yang turut disertai pengurusan universiti bermula seawal jam 7.30 pagi dengan program senamrobik. Ianya diteruskan dengan pelbagai aktiviti yang diatitkan sepanjang program termasuklah berbasikal dari Dataran Pusat Kegiatan Pelajar menuju ke tasik sejauh tiga kilometer.

Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr Daing Nasir Ibrahim yang mengetuai program dengan aktiviti berjalan kaki, berkayak dan melepaskan anak ikan di dalam tasik yang letaknya berdekatan perpustakaan UMP.

Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, program ini bertujuan menghidupkan suasana persekitaran kampus yang lebih ceria serta mewujudkan suasana yang kondusif dalam pembelajaran.

"Perasaan sayang kepada kampus bukanlah erti sekadar berkempen tapi memaknakannya dengan memelihara suasana segar di kampus ini.

"Ianya termasuklah menjaga kebersihan persekitaran dan berhemah dalam menggunakan kemudahan yang disediakan dan pada masa yang sama kita turut mempamerkan keprihatinan dalam menjaga alam sekitar dan menyokong usaha kerajaan dalam kempen hari Sabtu tanpa Plastik di UMP," kata beliau semasa menyampaikan ucapan pelancaran Kampus Hijau dan Kempen Hari Sabtu tanpa Beg Plastik di Dataran Pusat Kegiatan Pelajar UMP Pekan pada 3 Mac 2012 yang lalu.

Beliau mengharapkan agar kempen

ini dapat dilestarikan sebagai agenda berterusan yang tidak sekadar menjadikan sebagai program bermusim. Malah, program ini dapat memberi fenomena baharu kepada pelajar dalam menyokong kempen kampus hijau terutama menjayakan Hari Sabtu tanpa Beg Plastik sama ada di kafe mahupun di kediaman pelajar.

Selain itu, Naib Canselor juga turut berkesempatan untuk menanam pokok landskap, iaitu Pokok Rantai Emas (*Golden Chain*) sebagai menyokong usaha kempen 'Hijaukan Bumi' di kampus UMP, Pekan.

Menurut Pengarah Program, Hamizatun Mohd Fazi, 22, pelajar Ijazah Sarjana Muda Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), beliau amat bersyukur program yang julung kali diadakan ini mendapat sambutan yang menggalakkan terutamanya daripada Kor Sukarelawan Siswa Siswi Polis Diraja Malaysia (SUKSIS), Palapes Laut, Kor Sukarelawan Pertahanan Awam dan staf UMP sendiri.

Manakala pelajar Ijazah Sarjana Muda Bioteknologi Industri dari Fakulti Sains & Teknologi Industri (FIST), Siti Maryam Nordin, 20, berkata beliau amat menyokong program bagi menghargai alam sekitar.

"Selain merapatkan hubungan antara pelajar, program ini juga mampu meningkatkan tahap kesedaran pelajar terhadap kepentingan usaha memulihara alam sekitar untuk generasi akan datang," katanya.

Hadir sama, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus, Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin dan Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE), Ir. Zulkeflee Khalidin.





“Selain merapatkan hubungan antara pelajar, program ini juga mampu meningkatkan tahap kesedaran pelajar terhadap kepentingan usaha memulihara alam sekitar untuk generasi akan datang,”

- Profesor Dato' Dr Daing Nasir Ibrahim





500 pelajar jayakan Larian Kampus Pekan 2012



Seramai 500 orang pelajar di kalangan warga Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Indera Shahbandar Pekan (SMKIS) menyertai program Larian Kampus Pekan 2012 pada 6 April 2012 yang lalu.

Program bertujuan memasyarakatkan kampus selain menjadikannya sebagai sebahagian daripada program secara berkala melibatkan kedua-dua pihak.

Pengarah Program, Guru GPK Kokurikulum SMKIS, Abdul Aziz Kamruddin berkata, penganjuran kali ketiga ini dapat memberi peluang kepada pelajar untuk lebih mendekati UMP yang letaknya berhampiran dengan sekolah.

“Pelajar bukan sahaja dapat menjalankan aktiviti larian, malah berkesempatan menyaksikan suasana persekitaran kampus termasuk pemandangan tasik, bangunan pentadbiran dan kehidupan dalam kampus.

“Pihak sekolah juga menghargai kerjasama UMP dalam membantu dari segi persiapan dan mengawal keselamatan pelajar sepanjang program berlangsung,” katanya.

Selain daripada program ini, pihak sekolah juga turut bekerjasama dengan UMP dalam menganjurkan kursus kepimpinan pelajar, kursus pustakawan sekolah dan memanfaatkan penggunaan kemudahan di universiti ini.

Melalui beberapa program yang dilaksanakan, secara tidak langsung pelajar dapat meningkatkan motivasi diri untuk belajar dengan lebih bersungguh-sungguh untuk ke menara gading, terutamanya untuk melanjutkan pelajaran ke UMP.

Timbalan Pendaftar Kanan UMP, Wan Abdul Rashid Wan Abdul Rahman berkata, program ini merupakan antara program usaha sama yang dijalankan melibatkan UMP dan pihak SMKIS.

Penganjuran program larian sejauh lima kilometer ini melibatkan jabatan lain termasuk Keselamatan, Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (Saffad), Pusat Kokurikulum dan Bahagian Pentadbiran UMP Pekan.

Katanya, selain program seperti ini dapat mempromosikan UMP, ia juga dapat memberi pendedahan kepada pelajar merasai sendiri kehidupan dalam kampus.

Program menyaksikan Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE), Ir Zulkeflee Khalidin menyampaikan hadiah kepada pemenang.



Staf manfaatkan Hari Bertemu Pelanggan

Hampir 500 staf Universiti Malaysia Pahang (UMP) memanfaatkan Hari Bertemu Pelanggan yang diadakan secara berkala anjuran Jabatan Pendaftar, UMP bertempat di Dewan Astaka UMP Gambang pada 3 April 2012 yang lalu.

Penganjuran kali keempat ini dikunjungi sebahagian besar staf UMP bagi mendapatkan nasihat dan maklumat berhubung perkhidmatan pengurusan dan pembangunan sumber manusia.

Menurut Pendaftar UMP, Haji Mustafa Ibrahim, program ini memberi peluang kepada staf UMP untuk memperoleh dan mengemaskini maklumat serta khidmat nasihat berhubung pembangunan sumber manusia termasuk perkhidmatan berkaitan Jabatan Pendaftar, Bahagian Pengurusan Akademik dan Jabatan Bendahari.

“Program ini turut menampilkan beberapa agensi untuk perkhidmatan perbankan dan pemeriksaan kesihatan yang secara langsung dapat memberi kemudahan kepada staf untuk menjalankan urusan berkaitan,”

katanya yang mengharapkan agar staf dapat mengambil peluang dengan kemudahan yang disediakan.

Antara agensi yang turut mengambil bahagian adalah Pusat Kutipan Zakat, Lembaga Tabung Haji, Amanah Saham Mara, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Pusat Rawatan Keluarga MUIP dan Amanah Raya Berhad & Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK).

Pada masa yang sama turut diadakan Wacana Pengurusan Strategik (Perkongasian Amalan Terbaik) yang dikelolakan oleh Pusat Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti (PPKK).

Selain itu, sesi ceramah yang disampaikan Pengurus Pusat Kutipan Zakat Kuantan, Zafridan Daud dan Kaunselor Kreadit (AKPK), Chong Soon Lan juga membincangkan mengenai pengurusan kewangan secara bijak dan berkat.

Pengunjung yang merupakan staf Bahagian Pengurusan Akademik, Mohd Nor

Azmi Ahamad, 26, berkata, program sebegini sememangnya dinantikan staf kerana selain dapat berurusan mengenai perkhidmatan dengan pihak pentadbiran UMP, malah staf juga dapat menjalankan urusan perbankan secara langsung dalam universiti.

Katanya, secara tidak langsung ianya dapat menjimatkan masa dan memberi kemudahan kepada staf.

Manakala bagi staf Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA), Norazielawati Romli pula berkata, dengan program ini beliau berpeluang membuat pemeriksaan kesihatan dan mendalami mengenai Kaunseling Psikologi Keibubapaan di kaunter LPPKN.

“Memandangkan kekangan masa berkerja kadangkala staf sukar mendapatkan peluang untuk mendapatkan perkhidmatan secara persendirian.

“Program ini diharap dapat diteruskan pada masa hadapan melibatkan lebih banyak agensi lain untuk memberikan kemudahan kepada warga UMP,” katanya.



SME-University Internship buka peluang pelajar tawar khidmat perundingan perniagaan

Buat julung kalinya, seramai 24 pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) mewakili empat kumpulan perunding menyertai program *SME-University Internship* anjuran Pusat Keusahawanan UMP, Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME CORP MALAYSIA) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

Program ini diadakan bagi membuktikan keupayaan pelajar dalam menawarkan khidmat perundingan kepada syarikat-syarikat kecil dan sederhana (SME).

Pengarah Pusat Keusahawanan UMP, Dr. Omar Jamaludin berkata, pembentangan akhir program menunjukkan keupayaan pelajar UMP dalam membantu syarikat meningkatkan prestasi jualan berikutan aktiviti-aktiviti promosi, program pemasaran yang lebih berkesan, pengurusan akaun syarikat yang lebih sistematik dan susunatur premis yang lebih kemas dan mesra pelanggan.

“Tempoh pelaksanaan program ini adalah selama enam bulan meliputi tempoh dua bulan untuk persediaan awal, pembentangan dan penyediaan laporan akhir, manakala tempoh tiga hingga empat bulan memberi peluang kepada pelajar menjalankan tugas di syarikat PKS yang ditetapkan mengikut kumpulan,” katanya.

Beliau menghargai komitmen pelajar yang merupakan pelopor dalam menjayakan program sehingga ke peringkat pembentangan

akhir dan kumpulan yang menang akan mewakili universiti ke peringkat pertandingan akhir nanti.

Dalam ucapan perasmian, Ketua Penolong Setiausaha Kanan, Seksyen Kebolehpasaran Graduan/ Keusahawanan KPT, Dr. Syahira Hamidon berkata, pelajar UMP yang menyertai program ini boleh berbangga dan bertuah kerana mempunyai pengalaman dalam keusahawanan walaupun menuntut dalam bidang Kejuruteraan.

“Ianya seiring dengan polisi serta Dasar Pembangunan Keusahawanan IPT yang diperkenalkan kerajaan dalam melahirkan graduan yang mempunyai ciri ciri keusahawanan,” katanya semasa merasmikan program yang diadakan di Dewan Astaka UMP pada 5 April 2012 yang lalu.

Pengarah SME Corp. Malaysia Negeri Pahang, Masnani Basirun merasa berpuas hati dengan kerjasama yang diberikan oleh pihak UMP dalam menjayakan program ini mengikut tempoh yang ditetapkan.

Katanya, program ini turut memberi peluang kepada usahawan tempatan untuk menambahbaik keupayaan dan kemampuan syarikat mereka untuk terus berdaya saing dan terus maju ke hadapan.

“Pelbagai hasil yang diperoleh oleh syarikat dengan penganjuran program khidmat rundingan yang antaranya meningkatkan jualan sebanyak 75 peratus selepas pemantauan tiga

bulan dalam program ini.

“Sejak 2009 seramai 433 orang pelajar dari 15 buah IPTA dan 92 buah syarikat PKS di seluruh negara telah menyertai program ini yang dilaksanakan menggunakan kaedah konsep perundingan atau *Consultation Based Learning For ASEAN SMEs (COBLAS)*,” katanya.

Kumpulan Consulting Sphere yang menjalankan khidmat konsultansi di Syarikat Embun Kaseh Beauty Secrets dinobatkan juara dalam program yang julung kalinya diadakan pada kali ini. Mereka diwakili pelajar Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE), Mohd Solehuddin Mahmud, Siti Norsita Mohd Rawi dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), Nurul Asyikin Mohamad Ladzem dari Fakulti Teknologi (FT), Azwan Affandi Md Jahaya dari Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKPP), Azimah Saman dan Nor Amalina Hussain dari Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA).

Hadir sama Timbalan Pengarah, Bahagian Pembangunan Perniagaan, SME Corp Malaysia, Hilyati Muhammad Nasir, Pengurus Kanan, Bahagian Pembangunan Perniagaan, SME Corp. Malaysia, Murniati Mokhtar, Pengarah Urusan Global Factor Sdn. Bhd., Haji Ab. Razak Hj Azhari, Pengurus Kanan Pusat Pembangunan Kemahiran Keusahawanan, SME Bank, Norani Mohd Noor dan Pegawai Eksekutif Unit Prosper Siswazah, Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB), Azham Ardin Shah.

Pengetua dan Felo Kolej Kediaman lawat anak yatim Permata

Oleh: MOHD. FERDAUS MUSA

Institusi kekeloan universiti bertanggungjawab dalam menggalakkan aktiviti, pengurusan kemudahan pembelajaran dan kebajikan terhadap penghuni kolej kediaman di universiti.

Institusi ini turut berperanan memberi pendedahan kepada mahasiswa mengenai aktiviti dan program berbentuk khidmat masyarakat sebagai usaha memasyarakatkan kampus melibatkan penghuni kolej kediaman mahupun Perwakilan Mahasiswa Kolej Kediaman (PEKA) dengan masyarakat setempat.

Merealisasikan hasrat ini, seramai 26 orang staf Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang terdiri di kalangan Pengetua dan Felo Kolej Kediaman dari Institusi Kefeloan UMP (IKUMP) menganjurkan program bersama Anak-anak Yatim Permata Camar dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (SAFFAD).

Pengerusi Majlis Pengetua UMP yang juga Pengetua Kolej Kediaman 2, Mohd. Zulkifli Mohamad Noor berkata program yang buat julung kalinya diadakan ini bersempena Bengkel Pemantapan Felo yang diadakan pada 31 Mac 2012 yang lalu.

“Pendedahan ini merupakan satu program mendekatkan hubungan felo dengan anak yatim dengan menjalankan aktiviti khidmat sosial seperti yang terkandung sebagai salah satu modul dalam pemantapan felo ini.

“Program ini dapat memberi peluang dan latihan di kalangan felo ketika berdepan dengan mahasiswa yang mempunyai pelbagai latar belakang keluarga termasuk yang pernah menjadi penghuni rumah anak yatim,” katanya.

Menurut beliau, usaha ini akan diteruskan dengan mengadakan program motivasi dan khidmat akademik di kalangan penghuni yang akan menduduki peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran

Malaysia (SPM).

Dalam program yang sama, seramai 36 peserta turut mengambil bahagian dalam program gotong-royong dan sukaneka. Antara acara yang diadakan ialah rebut gula-gula dlm tepung, belon air, pindahkan gegelung getah dengan straw minuman, bawa gula-gula dengan sudu dan isi air dalam baldi menggunakan straw.

Pengetua Kolej Kediaman 4, Mohd Najib Razali yang baharu pertama kali datang ke Rumah Permata Camar menyifatkan program seumpama ini sangat baik terutamanya dalam menjalinkan ikatan kekeluargaan di kalangan penghuni di sini.

Penghuni Rumah Permata Camar, Mohamad Hanif Azree Mohd. Affendi, 15, yang bercita-cita menjadi Ustaz menyatakan seronok dapat bertemu dan bermesra dalam program yang dijalankan.

Malah, rakannya Haris Mohamad, 12, yang bercita-cita menjadi pemandu kapal terbang berkata, kunjungan staf UMP ini memberikannya semangat untuk belajar dengan lebih bersungguh-sungguh.

IKUMP berhasrat melibatkan Perwakilan Kolej-kolej Kediaman (PEKA) dan Kelab serta Persatuan dalam penganjuran program khidmat komuniti sebagai usaha mencapai bidang Keberhasilan Utama Universiti (KRA) ketiga berkaitan Pembangunan Sosioekonomi dalam Pelan Strategik UMP 2011-2015.





UMP, JPS timba kepakaran teknologi Korea urus sungai

Menyedari peranan dalam memastikan kelestarian sungai dan diurus dengan baik, Universiti Malaysia Pahang (UMP) menerusi Pusat Penyelidikan & Pengurusan Sumber Alam (CERRM) dengan kerjasama Jabatan Pengairan & Saliran (JPS) menganjurkan *Seminar Managing River Health* di Seri Pacific Hotel Kuala Lumpur pada 1 Mac 2012 yang lalu.

Seminar julung kali ini diadakan bagi menimba pengalaman penyelidik-penyelidik dari luar terutamanya dari University of Seoul dalam menguruskan sungai-sungai di Korea yang boleh diadaptasi bagi kelestarian sungai-sungai di negara kita.

Antaranya berkaitan keberkesanan Polisi Pemantauan Kualiti Air dan kejayaan mereka dalam kendalian Projek Air di Cheongaechun, Korea Selatan.

Sungai mempunyai hubungan yang berkait rapat dengan kehidupan manusia dan sejarah membuktikan manusia mula tinggal dengan menetap di lembah-lembah sungai bagi memudahkan kegiatan harian mereka.

Selain itu, ianya juga merupakan sumber air dan sumber pencarian makanan kepada manusia, memberi kemudahan pengangkutan kepada manusia dari satu tempat ke tempat yang lain dan peranannya tidak pernah berubah. Malah, peranan sungai semakin bertambah apabila menjadi sumber tenaga untuk menggerakkan Janakuasa hidroelektrik.

Menurut Ketua Pengarah Jabatan Pengairan & Saliran Malaysia (JPS), Dato' Ir Haji Ahmad

Husaini Sulaiman, kerajaan memperuntukkan berbillion ringgit demi untuk memelihara dan memulihara sungai.

"Namun sesetengah usaha tersebut dilihat hanya akan bertahan sementara waktu sahaja. Pencemaran terus berlaku, hakisan terus berlaku dan pelbagai lagi aktiviti yang menjerumuskan kepada terjejasnya kesihatan sungai terus berlaku.

"Menyedari kepentingan sungai, kerajaan menerusi agensi-agensinya seperti JPS Malaysia mengadakan usaha pemulihan sungai dan kempen menjaga kebersihannya.

"Program Satu Negeri Satu Sungai yang dilancarkan pada 2004 berobjektifkan sungai bersih, hidup dan vibran dengan mencapai kualiti air kelas 2B menjelang 2015 dan menjadikan sungai dan persekitarannya sebagai kawasan rekreasi yang semula jadi bagi mengekalkannya sebagai nilai aset sungai.

"Program ini juga merupakan perjanjian bersama Kerajaan Negeri bagi memilih satu sungai yang tercemar untuk dipulihkan," kata beliau ketika merasmikan seminar.

Menurut beliau, menerusi National Key Economy Area (NKEA) Greater KL di bawah Economic Transformation Program (ETP) dan program *River of Life* (ROL) yang dilaksanakan di Sungai Klang bakal menjadikan sungai ini bersih, hidup dan berdayahuni dengan kualiti air mencapai status Kelas 2B.

Tambahnya, konsep yang hampir sama juga dilaksanakan di Sungai Melaka melalui

Projek Pembersihan dan Peningdahan Sungai Melaka Fasa II yang bukan sahaja menumpukan aspek peningkatan kualiti air sungai tetapi menjadikan Sungai Melaka sebagai hub pengangkutan awam alternatif untuk tarikan pelancongan.

Sementara itu, Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, CERRM merupakan salah sebuah "*Centre of Excellence*" di UMP dalam menyalurkan kepakaran, kemahiran dan teknologi berkaitan sumber alam kepada masyarakat. Ini bertepatan dengan seruan pihak kerajaan terutamanya Kementerian Pengajian Tinggi dalam memperkasa pusat kecemerlangan (CoE) di universiti.

Bersempena dengan itu, Dato' Ir Hj. Ahmad turut menyaksikan majlis menandatangani MoU antara UMP dan University of Seoul dalam menjalinkan kerjasama dalam perkongsian kepakaran, penyelidikan, profesor pelawat, pertukaran staf dan pelajar dan latihan industri (LI).

UMP diwakili Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Pengarah CERRM, Dr. Wan Faizal Wan Ishak manakala pihak University of Seoul diwakili Profesor Dr. Hyunook Kim dan Jindong Gong.

Hadir dalam majlis berkenaan ialah pegawai kanan JPS, Timbalan Ketua Pengarah 1, Dato' Ir. Nordin Hamdan, Timbalan Ketua Pengarah 11, Dato' Ong Siew Heng, Pengarah Kanan, Dato' Zainor Rahim Ibrahim dan Profesor Anjung UMP, Dr. Ir. Nasehir Khan Em Yahaya.



UMP terima kunjungan pengurusan tertinggi Affin Bank

Universiti Malaysia Pahang (UMP) menerima kunjungan lawatan rasmi seramai 21 orang barisan Lembaga Pengarah Urusan Affin Bank dan Affin Islamic Bank untuk melihat sendiri perkembangan universiti dan mengadakan perbincangan mengenai peluang kerjasama melibatkan kedua-dua pihak pada 20 April 2012 yang lalu.

Menyertai delegasi adalah Pengerusi Lembaga Pengarah Affin Bank Berhad, Jeneral (B) Tan Sri Dato' Seri Ismail Haji Omar yang hadir bersama Pengarah Urusan Affin Bank dan Affin Islamic Bank, Dato' Sri Abdul Aziz Abdul Rahman yang juga merupakan ahli Lembaga Pengarah UMP.

Turut serta Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Affin Bank Berhad, Dato' Zulkiflee Abbas Abdul Hamid dan Ketua Pegawai Eksekutif, Affin Islamic Bank Berhad, Kamarul Ariffin Mohd. Jamil.

Delegasi disambut mesra Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dan pengurusan tertinggi universiti iaitu Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dr.

Badhrulhisham Abdul Aziz, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus, Bendahari UMP, Zainuddin Othman, Pendaftar Haji Mustafa Ibrahim dan Dekan Fakulti Teknologi, Profesor Madya Dr. Abdullah Ibrahim.

Dato' Daing Nasir berkata, kunjungan ini memberi makna yang besar kepada UMP dan antara yang dibincangkan termasuklah peluang untuk bekerjasama terutamanya dalam bidang akademik, penyelidikan dan pembangunan dalam sektor Kejuruteraan Marin dan Bioteknologi dengan anak-anak syarikat milik Affin Bank.

"Pihak Affin turut membincangkan berkaitan fasiliti dan pakej pinjaman korporat untuk kemudahan staf yang dapat dimanfaatkan menerusi kerjasama ini," katanya.

Dato' Daing mengharapkan banyak program dan kerjasama termasuk projek tanggungjawab sosial (CSR) bakal dijalankan melalui Bahagian Jaringan Industri dan Masyarakat (BJIM) yang baharu ditubuhkan di universiti ini.





Kolaborasi UMP dan MBM lahirkan generasi belia berpengetahuan

Universiti Malaysia Pahang (UMP) menjalinkan kerjasama strategik dengan Majlis Belia Malaysia (MBM) dalam menambah nilai untuk melahirkan generasi belia berwibawa yang lebih berdaya saing.

Majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) disempurnakan Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Presiden Persatuan Wanita UMP (Matahari), Profesor Madya Dr. Mimi Sakinah Abdul Munaim mewakili UMP. Manakala, pihak MBM diwakili Presidennya, Mohamed Maliki Mohd. Rapiee dan EXCO MBM Ahmad Daniar Ismail.

Menurut Dato' Daing, inisiatif yang digerakkan ini akan melibatkan program Pembangunan Belia Melalui Latihan, Kepimpinan dan Keusahawanan, Serantau dan Antarabangsa serta Penyelidikan, Pembangunan dan Reka Cipta," kata beliau semasa menyampaikan ucapan sempena Majlis Menandatangani MoU di

Dewan Bankuet UMP Gambang pada 28 Februari 2012 yang lalu.

Kata beliau lagi, masyarakat terutamanya sekitar Pekan terutamanya berdekatan kampus UMP bakal menerima manfaat daripada kerjasama ini.

Dato' Daing berkata, UMP amat berbesar hati untuk menerima MBM sebagai rakan kongsi dalam konteks kerjasama ini berdasarkan reputasi dan pengiktirafan yang dimiliki oleh organisasi terbesar yang mewakili golongan belia di negara ini. Katanya, hasil kerjasama ini akan melibatkan komitmen sebuah badan NGO, Persatuan Matahari dan Pusat Pengajian Berterusan & Pembangunan Profesional (CENFED) dalam menjayakan program usaha sama dengan MBM ini.

Sementara itu, menurut Mohamed Maliki, kerjasama keduanya ini akan melibatkan pembangunan belia terutamanya di Kuala Pahang.

MBM akan mengenal pasti golongan belia yang boleh diketengahkan dan UMP sebagai universiti yang memiliki

kepakaran teknikal akan membantu dalam menyediakan jurulatih dan tenaga pengajar.

Beliau berkata, pihak Kerajaan telah memperuntukkan RM200 juta dalam pembangunan belia dengan memfokuskan tiga bidang utama iaitu kepimpinan, kemahiran dan keusahawanan.

Justeru, banyak program yang boleh dijalankan untuk dimanfaatkan bersama masyarakat dan kelompok belia yang didefinisikan berumur di antara 18 hingga 40 tahun.

Hadir sama dalam majlis MoU, Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin, Pendaftar, Haji Mustafa Ibrahim, Bendahari Zainuddin Othman, Ketua Pustakawan Haji Ruslan Che Pee dan Pemangku Pengarah CENFED, Haji Jamil Basri.

Bersempena dengan itu juga diadakan Majlis Dialog Bersama MBM bertemakan "Pemeriksaan Belia dan Kesukarelawanan Pemangkin Jaringan Kerjasama". Ahli panel terdiri daripada Presiden MBM dan Tokoh Belia Negara 2011 iaitu Mohd. Rizan Hassan serta pensyarah Fakulti Teknologi, Mohamad Rozi Hassan sebagai moderator.

Dialog berjaya mendapat sambutan mahasiswa apabila lebih 400 orang hadir untuk berkongsi pengalaman dan memahami semangat kesukarelawanan selain berpeluang menceburkan diri dalam aktiviti belia di Malaysia dan di peringkat antarabangsa.



UMP-KKTM bakal jalin kerjasama dalam bidang pendidikan dan latihan

Universiti Malaysia Pahang (UMP) bakal menjalinkan kerjasama dengan Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM) bagi mewujudkan hubungan sinergi dalam membangunkan program-program yang selari dengan kehendak industri.

Selain UMP turut menjalinkan rangka kerjasama melibatkan jaringan universiti teknikal (MTUN) iaitu Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). Manakala, tujuh industri terlibat antaranya ialah USS Engineering Trading, Dipsol (M) Sdn. Bhd, Micro Precision Machining Sdn. Bhd. dan Asturi Metal Builders (M) Sdn. Bhd.

Majlis penyerahan memorandum persefahaman (MoU) disempurnakan Ketua Pengarah MARA, Datuk Ibrahim Ahmad di Dewan Multaqam Maju Junction Mall, Kuala Lumpur pada 21 Februari 2012 yang lalu.

Hadir sama Timbalan Ketua Pengarah (Pendidikan), Haji Abd. Rahim Abd. Ghani, Pengarah Bahagian Kemahiran dan Teknikal,

Haji Mohd. Fadzil Ghazali.

Bersempena majlis itu juga diadakan Forum Industri KKTM/IKM 2012 anjuran Bahagian Kemahiran dan Teknikal MARA bertemakan penyertaan Bumiputera dalam konteks hala tuju Malaysia sebagai negara maju dan berpendapatan tinggi.

Menurut Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, kerjasama UMP dengan pihak KKTM ini dapat mempertingkatkan jalinan kerjasama yang lebih berkesan dalam bidang pendidikan dan latihan di kalangan pelajar serta bekerjasama untuk membangunkan tenaga pengajar dari semasa ke semasa.

"Kerjasama ini juga memberi manfaat dalam menawarkan tenaga pengajar KKTM yang berkelayakan dan ingin menyambung pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah dalam bidang-bidang yang berkaitan yang ditawarkan di universiti ini.

"UMP juga akan melaksanakan program pengukuhan kepada pelajar dalam mata pelajaran Matematik dan Fizik bagi menyedia

dan meningkatkan keupayaan pelajar dalam komponen akademik.

"Pertukaran maklumat berkaitan struktur pengajian tinggi dan penyelidikan, pembaharuan dan teknologi pendidikan dan latihan yang baharu juga dijangka dapat membantu memperkasa peranan KKTM," kata Dr. Daing Nasir.

Katanya, bagi kerjasama jangka masa panjang, KKTM dijangka akan menjadi feeder kepada kemasukan pelajar ke universiti ini seperti mana peluang yang dibuka kepada pelajar Politeknik. Malah, akan menjalankan pemetaan kurikulum untuk kesesuaian program kepada lepasan pelajar KKTM.

Delegasi UMP turut dihadiri Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Engr. Dr. Badhrulhisham Abdul Aziz, Pengarah Bahagian Jaringan Industri & Masyarakat (BJIM), Profesor Dr. Zulkefli Yaakob, Pegawai Perhubungan Industri BJIM, Mohd. Suhaimi Ismail dan Penolong Pendaftar Kanan Jabatan Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa (JHEAA), Mohd. Raizalhilmy Mohd. Rais



Laman Web Rasmi UMP bertaraf 5 bintang

Laman web rasmi Universiti Malaysia Pahang (UMP) kini diiktiraf lima bintang sekaligus meraih tempat ketiga laman web terbaik bagi kategori Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Malaysia.

Pengiktirafan ini mengambil kira penilaian yang dijalankan pihak Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC) pada setiap tahun dengan menepati kriteria yang ditetapkan dalam Penilaian Portal dan Laman Web Kerajaan Malaysia 2011 (MGPWA) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

Dalam penilaian ini, UMP berkongsi jumlah skor (92) dengan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) manakala Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) berada di tangga pertama dengan 98 skor diikuti Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) di tangga kedua dengan 95 skor.

Penganugerahan ini bertujuan bagi

memastikan laman web agensi kerajaan sentiasa dikemas kini dalam memberi maklumat dalam talian yang berinformatif dan efektif kepada pelanggan.

Menurut Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, penilaian ini merupakan satu tanda aras terhadap laman web UMP dalam menyediakan informasi dalam talian yang berkesan dan terbaik serta memperkasa sistem penyampaian sektor awam.

Penyampaian anugerah penarafan lima bintang disampaikan oleh Menteri Pengajian Tinggi, Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin kepada Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim sempena Majlis Amanat Tahun Baharu 2012 anjuran Kementerian Pengajian Tinggi di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) pada 26 Januari 2012 yang lalu.

Penilaian ini merupakan satu tanda aras terhadap laman web UMP dalam menyediakan informasi dalam talian yang berkesan dan terbaik serta memperkasa sistem penyampaian sektor awam.

- Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim



ICT Business Centre kongsi kepakaran bersama rakan niaga



Lebih 50 rakan strategik melibatkan 15 syarikat hadir mengikuti *Business Partnership & Product Showcase High Tea* anjuran ICT Business Centre Universiti Malaysia Pahang (UMP) bagi mendapatkan perkongsian pengalaman dan idea dalam menjalankan perniagaan berasaskan teknologi ICT.

Menurut Pengarah Urusan *ICT Business Centre*, Profesor Madya Wan Maseri Wan Mohd, objektif utama program ini dijalankan adalah untuk memberi peluang kepada pembekal-pembekal yang aktif dan berpotensi dalam bidang ICT untuk menjalinkan kerjasama dengan *ICT Business Centre* dalam perkongsian pengalaman selain menjana pendapatan melalui produk ICT.

Beliau berkata, program ini juga sejajar dengan penubuhan *ICT Business Centre* yang bertujuan mengkomersialkan produk dan perkhidmatan ICT termasuk semua sumber yang ada di Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (PTMK) dan Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP).

Majlis penutup disempurnakan oleh Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dan dalam ucapannya beliau berkata

program ini begitu signifikan dalam konteks penajaran strategik PTMK sebagai sebuah Pusat Tanggungjawab di UMP dalam kerangka Pelaksanaan Pelan Strategik UMP 2011-2015.

Menurut Dato' Daing, *ICT Business Centre* berperanan sebagai Unit Bisnes Strategik yang menyokong sumbangan PTMK kepada Bidang Keberhasilan Utama Universiti (UKRA) kedua iaitu Kelestarian Kewangan.

"Pihak pengurusan UMP memandang serius komitmen semua Pusat tanggung jawab agar melaksanakan inisiatif-inisiatif bagi menambah nilai kepada pencapaian objektif Pelan Strategik UMP 2011-2015.

"Melalui nilai kreativiti dan inovasi serta tidak terikat kepada gaya ortodoks atau konvensional, semua PTJ berupaya menjana sumbangan dalam parameter keupayaan masing-masing.

"Hasil perkongsian kepakaran dan keupayaan ini amat bermakna bukan sahaja kepada UMP malah memberi manfaat kepada masyarakat awam, badan-badan swasta dan korporat," katanya.

Peserta yang hadir, Normah Mamat yang merupakan Pengurus Akaun, Telekom Malaysia

Berhad berkata, program ini banyak memberi maklumat mengenai perkhidmatan yang ditawarkan oleh *ICT Business Centre*, UMP.

Katanya, dalam era ICT yang serba canggih ini memerlukan produk-produk yang dapat membantu dalam pengurusan yang lebih bersestematik. Selain itu, syarikat juga dapat mengambil peluang ini untuk berkongsi pengalaman dan menjalinkan kerjasama dengan UMP.

Antara syarikat yang menjayakan program ini terdiri daripada Telekom Malaysia Berhad, Mymit Integration, Arena Hakikat, Fifway System, Oratex Solution dan Restu Lestari.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus, Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin dan Pengarah Urusan UMP Holding Sdn. Bhd., Dr. Md Yusoff Taib.

ICT Business Centre menawarkan pelbagai produk perkhidmatan termasuklah khidmat konsultansi dan produk ICT kepada organisasi luar melibatkan IPT, pusat latihan dan jabatan kerajaan serta menjayakan konsep *outsourcing* yang diperkenalkan Kerajaan.



Malam Santai Budaya kenali masyarakat 3 negara

Gabungan mantap persembahan tiga buah negara dalam Malam Santai Budaya anjuran Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (Saffad) dengan kerjasama Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKPP) pada 12 Mac 2012 yang lalu memberi peluang di kalangan warga Universiti Malaysia Pahang (UMP) untuk lebih mengenali budaya masyarakat Malaysia, Indonesia dan Bangladesh.

Menariknya, persembahan kebudayaan Indonesia dijayakan 10 mahasiswa Akademi Manajemen Informatika dan Komputer, AMIK Tunas Bangsa, Pematang Siantar, Indonesia yang dalam rangka lawatan muhibbah hasil memorandum persefahaman (MoU) yang dimeterai antara UMP dan AMIK Tunas Bangsa tahun lalu.

Menurut Direktor AMIK Tunas Bangsa, Dedy Hartama, mahasiswa Indonesia sungguh bertuah kerana berpeluang hadir menyaksikan persembahan kebudayaan dan Malam Puisi Riong anjuran Berita Harian dan UMP sempena sambutan 10 tahun UMP baru-baru ini.

Dalam persembahan itu, mahasiswa AMIK juga mempersembahkan tiga tarian gabungan yang dinamakan Tari Karo, Tari Melayu dan Tari Toba.

Kata Dedy, Tari Karo bertajuk Cirem-cirem la bermaksud senyum-senyum menceritakan seorang gadis yang rindu kekasihnya yang tak kunjung tiba dan sentiasa mengingatkan kenangan sewaktu mereka bersama terutamanya senyuman si lelaki yang sungguh manis sekali.

"Begitu juga dengan Tari Melayu berjudul Malenggang iaitu berjalan-jalan menceritakan seseorang yang pergi merantau ke negeri seberang iaitu Malaysia atau di kota Pahang.

"Setiba di sana ianya melihat kota itu sangat indah berbagai jenis macam barang dagangan dan dikatakan sebagai kota persiaran kerana ramai pelancong yang bersiar atau berjalan-jalan (malenggang) ke sana," kata beliau.

Sementara itu, mahasiswa AMIK turut mempersembahkan Tari Toba bertajuk Marhusip atau "berbisik-bisik/meminang" yang menurut Dedy mengikut budaya adat Toba, marhusip adalah salah satu tahap yang harus dilakukan dalam proses pernikahan secara adat.

Kata beliau yang berkongsi adat budaya masyarakat Toba, Marhusip adalah perundingan antara perwakilan keluarga

terdekat calon mempelai lelaki dengan perwakilan keluarga terdekat dari calon mempelai wanita.

Menurut Dekan Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKPP), Profesor Dr. Jasni Mohamed Zain, selain program perkongsian budaya ini hasil kerjasama kedua-dua pihak turut melibatkan penyelidikan, latihan staf serta pertukaran pensyarah, mahasiswa, bahan ilmiah dan kurikulum.

Katanya, kunjungan kali ini turut juga memberi peluang mahasiswa AMIK untuk mengikuti Bengkel Sistem & Rangkaian Komputer dan Bengkel Grafik & Multimedia yang dikendalikan pensyarah FSKPP yang mempunyai kepakaran dalam bidang sistem komputer dan kejuruteraan perisian.

Dr. Jasni berharap dengan kejayaan lawatan ini dapat memberikan serba sedikit manfaat kepada kedua-dua belah pihak sama ada dari segi pertukaran budaya dan juga akademik di antara kedua-dua negara.

Lebih 300 termasuk mahasiswa dari luar negara hadir menyaksikan persembahan daripada Kelab Kebudayaan UMP. Antaranya ialah persembahan Yoyo, Dikir Barat, Zapin Budi dan Tarian 1 Malaysia.

Mahasiswa daripada Bangladesh turut mengambil bahagian dengan mempersembahkan tarian klasik dan kontemporari yang berjaya mencuit hati penonton.

Majlis turut diserikan dengan kehadiran Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin.



Pasukan Debat UMP juara Debat Diraja Kategori BM

Oleh: MOHD FERDAUS MUSA

Barisan pendebat Universiti Malaysia Pahang (UMP) mengharumkan nama universiti apabila muncul juara pertandingan Debat Diraja 2012 kategori Bahasa Melayu (Muda) dengan menewaskan pasukan daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di gelanggang akhir yang berlangsung di Dewan Budaya USM, Pulau Pinang pada 15 Februari 2012 yang lalu.

UMP yang diundi sebagai barisan pembangkang terdiri daripada Shabnam Parween Mohd Salim, Nur Aida Faisal, Mohd Amirul Hafiz Abdul Hamid dan Wu Daniel berjaya menjadi johan dan membawa pulang hadiah wang tunai empat ribu ringgit, Piala Pusingan, Piala Iringan berserta sijil penyertaan.

Kejayaan ini bertambah manis apabila Nur Aida Faisal juga turut meraih gelaran Pendebat terbaik dengan membawa pulang wang tunai seribu ringgit, Piala Iringan serta sijil penyertaan.

Sementara itu, pasukan Debat UMP bagi kategori Bahasa Melayu (Utama) mendapat tempat ketiga dengan membawa pulang wang tunai seribu lima ratus ringgit, Piala Iringan dan sijil penyertaan. Pasukan ini diwakili

oleh Siti Aisyah Mustapha, Muhammad Qusyairi Hashim, Qamaruddin Mohd Fauzi dan Muhammad Iqram Zulkifli. Penyandang tempat pertama milik Universiti Malaya (UM) diikuti Universiti Sains Malaysia (USM) di tempat kedua.

Lebih membanggakan apabila dua orang pendebat UMP, Muhammad Qusyairi Hashim dan Siti Aisyah Mustapha mengungguli senarai antara lima pendebat terbaik keseluruhan. Malah, Siti Aisyah Mustapha turut menerima Anugerah Khas Majlis Debat Universiti-Universiti Malaysia (MADUM) bagi kategori Penggerak Debat I PT.


Menurut Siti Aishah Mustafa, 22 yang juga merupakan pelajar tahun tiga Ijazah Sains Gunaan Bioteknologi Industri, Fakulti Sains & Teknologi Industri berkata, beliau amat bersyukur apabila pasukan UMP berjaya dalam pertandingan ini.

"Kemenangan ini menunjukkan keupayaan pasukan UMP dengan mengungguli dan bersaing dengan universiti-universiti lain," katanya.

Beliau mengharapkan kemenangan ini akan membakar semangat pasukan debat universiti untuk terus berjaya di arena

perdebatan pada masa akan datang.

Majlis penutup dan penyampaian hadiah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Saifuddin Abdullah.





28 sukarelawan jayakan Program Semai Bakti

Oleh: ZAHIRUDDIN MOHD ZAIN

Seramai 28 orang sukarelawan Universiti Malaysia Pahang (UMP) daripada Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) dan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) menyertai Program Semai Bakti anjuran Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri-isteri (BAKTI) dan Persatuan Isteri-isteri Wakil Rakyat Pahang (TERATAI) pada 31 Mac 2012 yang lalu.

Program yang diadakan bersempena lawatan isteri Perdana Menteri Malaysia, Datin Seri Rosmah Mansor ke Kampung Permatang Siput di Pekan ini turut melibatkan beberapa agensi kerajaan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat, Klinik Kesihatan, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Pahang.

Penolong Pendaftar Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (Saffad), Zahiruddin Mohd Zain berkata, tugas sukarelawan UMP adalah membantu dalam mengendalikan kelancaran program terutamanya dalam menjalankan acara sukaneka bagi peserta program yang melibatkan kumpulan pelajar TADIKA Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) dan pelajar Tahun 1 hingga Tahun 3 Sekolah Kebangsaan Kampung Permatang Siput.

"Program turut melibatkan 56 anak-anak Orang Asli termasuk pelatih di kalangan Orang Kelainan Upaya (OKU) dari Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Pekan dan Kuantan iaitu Permata Hati, Bintang Hati, Titian Murni dan Teruntum Kuantan," kata beliau.

Sebanyak tujuh acara yang dimainkan iaitu boling padang, bawa bola dalam sudu, bawa bola dalam gelung, cari gula dalam tepung, sepak bola, lari kembar siam dan berlari pantas.

Selain itu, sukarelawan UMP turut membantu semasa pendaftaran pemeriksaan kesihatan bagi penduduk kampung.

Program sehari itu berakhir dengan lawatan Datin Seri Rosmah Mansor menyaksikan Klinik Bergerak dan pameran selain bermesra dengan penduduk kampung.

Hadir sama Yang di-Pertua Majlis Daerah Pekan, Dato' Mohd Fadzli Mohd Kenali, Ahli Dewan Undangan Negeri Bebar, Dato' Haji Ishak Haji Muhammad dan Ketua Timbalan Pendaftar UMP, Datin Fazia Ali yang mewakili UMP.





Mahasiswa turun padang dalam Projek Semaian Budi di Agropolitan Lepar

Oleh: WAN NAZRUL HELMY WAN MOHD. ZAIN

Seramai 30 orang mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) memulakan cuti semester mereka kali ini dengan suatu pengalaman menarik apabila tinggal bersama keluarga angkat yang merupakan penduduk Agropolitan Lepar di Kilometer 43, Jalan Kuantan – Segamat dalam Projek Semaian Budi yang berakhir pada 20 Januari 2012 yang lalu.

Bersesuaian dengan tema projek iaitu “Dari Kampus Ke Lapangan Masyarakat”, kumpulan mahasiswa ini menjalani rutin kehidupan harian penduduk Agropolitan tersebut iaitu menguruskan ladang kambing mereka yang diusahakan dengan bantuan kerajaan melalui Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) dan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA).

Menariknya, mahasiswa turut didedahkan dengan amalan penternakan kambing secara sistematik dan penanaman rumput jenis napier yang menjadi makanan utama ternakan tersebut.

Program anjuran Kelab In Smartive UMP ini, turut meriah dengan kehadiran Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pahang kawasan Pulau Manis, Yang Berhormat Khairuddin Mahmud.

Semasa menyampaikan ucapan, beliau melahirkan rasa bangga dan mengalu-

alukan inisiatif yang diambil oleh pihak pengurusan UMP dalam memasyarakatkan mahasiswanya melalui penganjuran pelbagai aktiviti yang menambah nilai kepada kesejahteraan sosioekonomi, daya saing dan pencapaian akademik di kawasan luar bandar.

Manakala, Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) UMP, Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin yang menyampaikan ucapan alu-aluannya menyatakan bahawa komitmen pihak UMP untuk membangunkan masyarakat setempat di kawasan ini tidak akan berakhir begitu sahaja, malah ianya akan diteruskan dengan memanfaatkan kepakaran penyelidikan dan semangat sukarelawan yang digembleng bersama tenaga warga kerja dan mahasiswa universiti ini.

Pengurus Projek Semaian Budi, Norfarahaim Hartini Syukur turut melahirkan rasa terharu beliau di atas kemesraan pihak pengurusan Agropolitan Lepar dan keluarga angkat masing-masing yang memberikan kerjasama yang amat baik sepanjang program selama tiga hari tersebut berlangsung.

“Selain aktiviti di ladang, aktiviti lain yang turut diadakan sepanjang pemukiman ini ialah



sukaneka bersama masyarakat setempat, motivasi pelajar di Sekolah Kebangsaan Lepar, serta memberikan bimbingan kemahiran belajar kepada adik-adik angkat kami,” tambah penuntut program Sarjana Muda Pengurusan Projek di Fakulti Teknologi UMP ini.

Turut hadir dalam majlis ialah Pengurus Agropolitan Lepar, Mansor Isa, Pegawai Eksekutif ECER Pahang, Mohd Khairul Fikri Che Mat, Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Batu 8 Lepar, Haji Din Mat Diah dan Ketua Penyelidik kepada Naib Canselor UMP yang juga Penasihat Kelab In-Smartive, Wan Nazrul Helmy Wan Mohd. Zain.

Mahasiswa In-Smartive bantu pelajar sekolah menguasai bahasa Inggeris

Seramai 148 pelajar menyertai program Projek Kilauan Mutiara *Teach Malaysia Teach* (TMT) anjuran Kelab In-Smartive Universiti Malaysia Pahang (UMP) bagi memantapkan penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan pelajar sekolah rendah sekitar Pekan pada 11 Februari 2012 yang lalu.

Mereka terdiri daripada pelajar Sekolah Kebangsaan Yoke Hwa (SJK (C) Yoke Hwa, Sekolah Kebangsaan (C) Pekan (SJKCP), Sekolah Kebangsaan Ahmad (SKA), Sekolah Kebangsaan Seri Biram (SKSB), Sekolah Kebangsaan Seri Terentang (SKST), Sekolah Kebangsaan Langgar (SKL) dan Sekolah Kebangsaan Indera Shahbandar (SKIS) Pekan.

Menurut Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, inisiatif ini menyumbang kepada pencapaian Bidang Keberhasilan Utama (KRA) Pembangunan Sosioekonomi UMP serta memberi nilai tambah kepada penajajaran universiti ini di tengah-tengah masyarakat setempat di daerah Pekan.

Selain itu, ianya merupakan tanggungjawab sosial korporat UMP terhadap masyarakat sekitar Pekan khususnya dalam pelaksanaan Projek Kilauan Mutiara *Teach Malaysia Teach* ini.

"Mahasiswa perlu menyedari bahawa ilmu yang dipelajari di kampus tidak akan memberi erti yang signifikan sekiranya pengetahuan itu tidak disalurkan kepada masyarakat untuk dikongsi manfaatnya," katanya berucap ketika merasmikan Projek Kilauan Mutiara, *Teach Malaysia Teach* (TMT) di Pusat Kegiatan Pelajar, UMP Pekan.

Beliau berharap, projek ini dapat dijayakan hasil permuafakatan dan persefahaman yang harmoni melibatkan pelbagai pihak terutamanya kerjasama dari pihak sekolah.

Timbalan Presiden Kelab In-Smartive yang merupakan Pengurus Projek, Mohd Jamil Mohd Ja'afar berkata, program itu dapat memberi suntikan motivasi dan membina jati diri serta persediaan mental untuk menghadapi peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) akan datang.

"Banyak aktiviti yang akan dianjurkan bagi meningkatkan motivasi diri pelajar antaranya program *Filial Piety, Dare To Be You, Green At Heart, All Children Excel, Study Techniques, Time Management* dan *Youngstar Games*," katanya ketika di temui pada majlis perasmian In-Smartive 2012 di sini.

Katanya, program dijangka diadakan dalam 27 sesi yang berlangsung di sekolah masing-masing manakala, lima daripadanya dijangka diadakan dalam kampus UMP sendiri bagi memberi pendedahan terhadap amalan yang baik seperti disiplin diri, berdikari, memiliki rasa tanggungjawab dan bekerja sebagai satu pasukan.

Tambah beliau, selain meningkatkan

kesedaran tentang kepentingan ilmu, program itu juga bertujuan mendekatkan pelajar sekolah dengan suasana persekitaran dan pembelajaran di institusi pengajian tinggi.

Seorang peserta, Vivian Yeo Sui Hong, 11, berkata beliau amat bertuah dipilih untuk menyertai program ini. Katanya, menyertai program ini menyedarkannya tentang kepentingan pelajaran dan bagaimana pelajaran mampu mengubah nasib keluarga.

Turut hadir Pegawai Pelajaran Daerah Pekan, Tuan Haji Alias Chik, Pengerusi Persatuan Bekas Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Cawangan Pekan, Dato' Haji Ibrahim Ya'acob, Timbalan Pendaftar Kanan, Wan Abdul Rashid Wan Abdul Rahman, wakil Pertubuhan Kebajikan dan Kemajuan Sosial, Elia Mastura Kamaruddin dan Penasihat Kelab In-Smartive, Wan Nazrul Helmy Wan Mohd Zain.

Program Projek Kilauan Mutiara *Teach Malaysia Teach* (TMT) bakal dilaksanakan sepanjang tahun ini melibatkan kerjasama 80 sukarelawan Kelab In-Smartive di bawah Fakulti Teknologi.





Kem Interaksi Pemimpin Muda bentuk kepimpinan pelajar SMK Chini

Oleh: WAN NAZRUL HELMY WAN MOHD ZAIN

Seramai 100 orang pemimpin pelajar di kalangan pengawas, pengawas pusat sumber, ketua tingkatan dan pengerusi persatuan dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Chini 2, Pekan menyertai Kem Interaksi Pemimpin Muda (IN-TEAM) anjuran Kelab In-Smartive Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (Saffad) pada 22 April 2012 yang lalu.

Program yang julung kalinya diadakan di sekolah ini menyaksikan penglibatan seramai 40 orang mahasiswa UMP termasuk pelajar antarabangsa yang berperanan sebagai fasilitator.

Menurut Pengurus Projek IN-TEAM, Asraf Ahmad, 21, inisiatif ini merupakan sebahagian daripada komitmen Kelab In-Smartive untuk menjayakan pelaksanaan Pelan Strategik UMP 2011-2015 terutamanya bagi dua Bidang Keberhasilan Utama Universiti (UKRA) iaitu Peningkatan Kualiti Akademik dan Pembangunan Sosioekonomi.

“Sepanjang program IN-TEAM, peserta dilatih dengan kelasakan minda dan ketahanan fizikal melalui modul-modul interaktif seperti *Mulanya Di Sini*, *Explorace*, *Titanic*, *Last Man Standing*, *Sayang Si Buta dan Muhasabah Diri*.

“Modul-modul adalah hasil sumbang saran para fasilitator sendiri yang disesuaikan dengan keadaan peserta berdasarkan maklum balas yang diterima dari pihak sekolah,” tambah mahasiswa tahun dua program pengajian Sarjana Muda Pengurusan Teknologi Industri ini.

Sementara itu, seorang peserta, Muhammad Amirul Naim Mazuki, 17, mengakui bahawa pendekatan modul dalam IN-TEAM adalah berbeza daripada kem kepimpinan yang pernah dilaluinya sebelum ini.

“Walaupun agak letih dengan jadual aktiviti yang padat, namun saya dan rakan-rakan lain amat teruja untuk mengharungi cabaran sepanjang kem ini yang amat menitikberatkan pengurusan masa dan disiplin diri bagi membentuk wibawa kami sebagai pemimpin pelajar di SMK Chini 2,” kata pelajar Tingkatan 5 ini yang turut dilantik sebagai Penghulu Peserta dalam IN-TEAM.

Dalam ucapannya semasa merasmikan penutupan kem ini, Guru Penolong Kanan SMK Chini 2, Hajah Rosmawati Mohd Salleh memuji inisiatif yang diambil oleh Kelab In-Smartive UMP untuk menonjolkan mahasiswa sebagai ikon kepimpinan kepada pelajar sekolah melalui IN-TEAM.

Menurut beliau lagi, pengisian sepanjang kem ini memberi nilai tambah yang tidak sedikit kepada pembinaan jati diri peserta untuk

menjadi pemimpin pelajar yang berwibawa dan berkesan di SMK Chini 2.

Turut hadir dalam majlis perasmian penutup ini ialah Ketua Penyelidik Kepada Naib Canselor merangkap Penasihat Kelab In-Smartive, Wan Nazrul Helmy Wan Mohd Zain, Kaunselor SMK Chini 2, Roslan Ibrahim dan Presiden Kelab In-Smartive, Mohd. Jamil Mohd. Ja’afar.





344 kaki pancing rebut juara di Pertandingan Memancing Terbuka UMP



Buat julang kalinya, Universiti Malaysia Pahang (UMP) melalui Badan Kebajikan & Sukan Staf (BKSS) dan Pusat Sukan UMP menganjurkan Pertandingan Memancing Terbuka bersempena Sambutan 10 tahun UMP di Pusat Rekreasi Balok Kuantan di Pahang pada 14 April 2012 yang lalu.

Pertandingan ini disertai seramai 344 orang kaki pancing sekitar Kuantan dan Kemaman termasuk penyertaan di kalangan warga UMP.

Pengerusi BKSS yang merupakan Pengarah Program Mohd. Raizalhilmy Mohd Rais berkata, pertandingan ini merupakan salah satu program yang dijalankan bersempena Sambutan 10 tahun UMP dalam memasyarakatkan hubungan antara warga UMP dengan komuniti setempat.

"Pertandingan ini juga adalah untuk menguji bakat peserta dalam mempamerkan teknik memancing di kalangan peserta.

"Malah pertandingan seperti ini juga secara tidak langsung dapat mewujudkan semangat tali silaturahim di kalangan

para peserta dan orang ramai yang hadir menayakan pertandingan ini," katanya.

Beliau turut menambah Pertandingan Memancing Terbuka UMP ini secara tidak langsung dapat mempromosi nama UMP kepada orang luar.

Terdahulu, peserta dari Kemaman, Syed Mohd Nazeem Tuan Dagang, 32, menang besar apabila berjaya membawa pulang wang keseluruhan berjumlah dua puluh dua ribu ringgit setelah dinobatkan pemenang tempat pertama dan kedua dalam pertandingan ini.

Beliau yang menggunakan nama anaknya 'Iman' semasa pendaftaran tidak menyangka dengan mempertaruhkan tiga batang joran berbaloi apabila dua daripada jorannya mengena dan berjaya menaikkan ikan pertama, seekor ikan Pari Lalat seberat seberat 2.29 kilogram pada jam 12.40 tengah hari.

"Joran kedua saya kemudiannya disentak seekor ikan Pari Hijau seberat 6.05 kilogram sekaligus mencatat ikan paling berat di pertandingan ini," kata Nazeem yang tidak

menduga menang besar sepanjang enam tahun menjadi kaki pancing.

Manakala tempat ketiga dimenangi peserta dari Sungai Karang di Kuantan, Khamis Mohad, 59, menerusi tangkapan ikan Pari Hijau seberat 2.56 kilogram dengan membawa pulang wang sebanyak tiga ribu ringgit.

Hadir menyampaikan hadiah kepada pemenang, Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim disertai Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE), Ir. Zulkeflee Khalidin, Ketua Bahagian Keselamatan, Hamdan Ahmad dan Ketua Pusat Kesihatan Pelajar, Dr. Khairul Salleh Abdul Basit.

Dato' Daing Nasir berharap agar penganjuran program sebegini dapat merapatkan hubungan silaturahim di kalangan warga UMP dengan masyarakat setempat.

Pertandingan dimeriahkan dengan acara cabutan bertuah yang memberi peluang peserta memenangi pelbagai hadiah dan hamper termasuk cabutan mega yang merupakan TV Plasma.

UMP buka tirai Sukan MASUM 2012

Universiti Malaysia Pahang (UMP) menjadi tumpuan peminat sukan tempatan apabila menjadi tuan rumah menjayakan Karnival Siri 1 Sukan Majlis Sukan Universiti Malaysia 2012 (MASUM) yang berlangsung selama tiga hari mulai 24 hingga 26 Februari 2012 yang lalu.

Kejohanan pembuka tirai Sukan MASUM pada tahun ini mempertandingkan tiga acara iaitu Sepak Takraw (Antara Regu), Taekwando dan Ragbi 7 Sebelah dengan penyertaan daripada 16 Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dari seluruh Malaysia.

Karnival Sukan MASUM kali ini menyaksikan Universiti Putra Malaysia (UPM) menjadi johan bagi acara Tekwando dengan enam emas, dua perak dan dua gangsa diikuti naib johan milik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan meraih empat emas, tiga perak dan empat gangsa dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) berjaya merebut tempat ketiga dengan tiga emas, dua perak dan lapan gangsa.

Atlet UMP bagi acara Tekwando iaitu Zakaria Musa dan Khairul Anuar Muhammad menang pingat perak sementara Lau Fiew Tien menang pingat gangsa.

Bagi acara Sepak Takraw juara keseluruhan dimenangi pasukan Universiti Teknologi MARA -A diikuti UPM (A) di tangga kedua dan ketiga UiTM (B).

Sementara itu, acara sukan Ragbi, UiTM dianugerahkan johan keseluruhan

kategori *Cup* diikuti Universiti Teknologi Malaysia (UTM), UPSI dan Universti Malaya (UM).

Bagi kategori *Plate* dimenangi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Sains Malaysia (USM), *Bowl* diraih UPM dan USM manakala *Shield* pula milik UMP dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UnisZA).

Penyampaian hadiah pemenang Ragbi disempurnakan Presiden Kesatuan Ragbi Negeri Pahang, Dato' Ahmad Razif Abdul Rahman.

Menurut Ketua Pusat Sukan UMP, Jasni Ladin, hampir 1,000 orang atlet yang terdiri daripada mahasiswa universiti, 200 orang pegawai pasukan dan 50 orang sukarelawan terlibat dalam memastikan kejohanan berlangsung dengan jayanya.

"Penganjuran kejohanan melibatkan dua lokasi iaitu acara Sepak takraw dan Taekwando dijalankan di Kompleks Sukan UMP dan acara Ragbi 7 Sebelah diadakan di Padang Kemunting (MPK 4), Kuantan.

"Kejohanan Siri 2 akan diadakan di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) pada 29 hingga 1 April ini dan siri seterusnya dijangka berlangsung di UnisZA sebagai tuan rumah pada 26 April hingga 29 April nanti," kata Jasni.

Katanya, kejohanan bertambah sengit dengan persaingan melibatkan atlet kebangsaan, namun beliau berbangga dengan komitmen atlet terutamanya dari UMP yang giat membuat persediaan sempena kejohanan ini.





Pasukan Jabatan Bendahari, FKEE dan FKM juara Kejuhanan Bola Tampar Tertutup UMP

Oleh: ISKANDAR SALEHUDDIN

Pasukan lelaki Jabatan Bendahari dan pasukan wanita gabungan dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) dan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) menjuarai Kejuhanan Bola Tampar Tertutup UMP Piala Bendahari Kali Ke-7 anjuran Jabatan Bendahari pada 4 April 2012 yang lalu.

Kejuhanan menampilkan 27 pasukan yang terdiri daripada 19 pasukan lelaki dan lapan pasukan wanita berlangsung selama tiga minggu di Kompleks Sukan UMP Gambang.

Pengerusi kejuhanan, Sulaiman Baniyamin berkata, penganjuran kejuhanan ini bertujuan merapatkan silaturahim antara staf dari pelbagai jabatan dan fakulti.

Selain itu, kejuhanan ini berjaya mencungkil bakat-bakat baharu dalam permainan bola tampar untuk diketengahkan bagi mewakili kejuhanan sukan staf antara universiti.

"Kejuhanan berakhir dengan perlawanan persahabatan yang diadakan melibatkan pasukan pengurusan tertinggi universiti bertemu pasukan melibatkan dekan dan pengarah dengan keputusan menyebelahi pasukan pengurusan dengan mata 35 - 25," katanya.

Hadir menyertai perlawanan ini ialah Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Engr. Dr. Badhrulhisham Abdul Aziz, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus, Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin, Penolong Naib Canselor (Pentadbiran UMP Pekan), Profesor Dr. Haji Zahari Taha, Pendaftar, Tuan Haji Mustafa Ibrahim, Bendahari, Zainudin Othman Ketua Pustakawan, Tuan Haji Ruslan Che Pee dan Pengarah Kerja, Tuan Haji Rosdi Mohamed.

Sementara itu, naib johan bagi kategori pasukan lelaki dimenangi Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) dan Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKPP) di tempat ketiga.

Bagi kategori pasukan wanita, pasukan kombinasi Jabatan Pembangunan & Pengurusan Harta (JPPH), Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) serta Jabatan Pendaftar dinobatkan Naib Johan. Manakala tempat ketiga dimenangi FSKPP. Majlis turut menyaksikan penyampaian cenderahati kepada pemenang disempurnakan oleh Tuan Haji Mustafa Ibrahim.



PELANTIKAN BAHARU/PENYAMBUNGAN JAWATAN GILIRAN



Profesor Dr. Haji Zahari Bin Taha
Penolong Naib Canselor
(Pentadbiran) UMP Pekan
1 Februari 2012 hingga 28 Februari 2013



Profesor Madya Dr. Ruzaini Bin Abdullah Arshah
Pengarah
Pusat Kecemerlangan IBM
1 Mac 2012 hingga 28 Februari 2014



Ir. Zulkeflee Bin Khalidin
Dekan
Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik
1 Januari hingga 31 Disember 2012



Dr. Che Ku Mohammad Faizal Bin Che Ku Yahya
Timbalan Dekan (Akademik & Hal Ehwal Pelajar)
Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli
13 Februari 2012 hingga 12 Februari 2014



Profesor Madya Ainol Haryati Binti Ibrahim
Pengarah
Pejabat Antarabangsa
15 Januari 2012 hingga 14 Januari 2013



Profesor Madya Dr. Abdul Aziz Bin Jaafar
Timbalan Dekan (Penyelidikan & Inovasi dan
Jaringan Industri & Masyarakat)
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan
15 Februari 2012 hingga 14 Februari 2014



Profesor Dr. Zulkefli Bin Yaacob
Pengarah
Bahagian Jaringan Industri & Masyarakat
15 Februari 2012 hingga 14 Februari 2013



Alumni UMP gah di Volvo

Oleh: WAN NAZRUL HELMY WAN MOHD ZAIN

Bermula dengan menjalani latihan industri di luar negara, akhirnya Hilmi Mohd Zahidi yang merupakan graduan Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal (Automotif) telah berjaya menempatkan dirinya sebaris dengan jurutera hebat di luar negara apabila diberi peluang menjawat jawatan sebagai Jurutera Penyelenggaraan di Volvo Trucks, Gothenburg, Sweden.

Dipertanggungjawabkan untuk menyelia pengeluaran trak dan kenderaan berat di syarikat yang gah di peringkat antarabangsa bukanlah satu bebanan buat beliau.

Malah ia amat membanggakan sekali buat anak kelahiran Besut, Terengganu ini apabila dapat membuktikan ilmu dan kepakaran yang dimilikinya sepanjang menuntut di Universiti Malaysia Pahang (UMP) dipandang tinggi dan dapat dipraktikkan di syarikat gergasi tersebut.

Menurut Hilmi, keunikan sistem pembelajaran di UMP yang mempraktikkan latihan hands-on telah memberi input yang sangat positif dan amat bermakna sekali.

“UMP banyak memberi peluang kepada para pelajarnya untuk mengendalikan sendiri projek, eksperimen dan latihan di makmal

dengan menggunakan pelbagai alatan dan mesin yang canggih selama saya belajar di sana.

“Secara tidak langsung, saya dapat memahami sesuatu subjek dengan lebih jelas dan keadaan ini amat dikagumi oleh rakan sekerja saya yang mana saya dapat mengendalikan sesuatu projek dengan baik serta kelihatan seperti sudah biasa menggunakan peralatan tersebut,” jelas bekas Presiden Persatuan Mahasiswa Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (MECHAPRO) ini.

Tambah beliau lagi, penglibatannya dalam aktiviti dan persatuan sepanjang berada di UMP turut membantu mengasah bakat kepimpinan dalam diri, apatah lagi pernah menyandang jawatan sebagai Presiden MECHAPRO.

Ternyata kemahiran pengurusan, perancangan, berani membuat keputusan dan bersuara telah memberi kelebihan buat beliau untuk menonjol dan telah terpilih untuk menjawat jawatan di Volvo dan dapat menyaingi 10 graduan lain yang turut menjalani latihan amali bersama-sama beliau.

Tambah anak kedua daripada empat beradik ini, pilihannya untuk menyambung

pelajaran di UMP merupakan satu langkah yang bijak memandangkan UMP merupakan satu-satunya universiti yang amat menitikberatkan aspek pembelajaran yang praktikal dalam bidang kejuruteraan.

“Apatah lagi saya amat meminati bidang ini dan sering mendapat galakan daripada ibu bapa dan kakak saya di mana mereka juga terdiri daripada jurutera yang hebat di mata saya,” katanya.

Justeru, kami di sidang editorial Create mengucapkan selamat maju jaya kepada beliau dan berharap cita-citanya untuk menubuhkan firma kejuruteraan sendiri tercapai suatu hari kelak.





Alumni UMP hulur sumbangan bantu ringan beban Mughirah

Oleh: MOHD NAJIB RAZALI

Persatuan Alumni Universiti Malaysia Pahang (UMP) turun padang membantu seorang ahlinya Mughirah Abdullah dengan menyampaikan sumbangan wang tunai kira-kira RM8313.10 di kediaman beliau di Kemaman, Terengganu, pada 21 April 2012 yang lalu.

Mughirah yang menghidap penyakit barah usus merupakan alumni pelajar Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA).

Sumbangan disampaikan Timbalan Presiden Alumni UMP, Mohd Najib Razali kepada bapa Mughirah.


Turut hadir Naib Presiden, Junaidi Zakaria, dan dua orang ahli jawatankuasa tertinggi iaitu Muhammad Ammar Nik

Mu'tasim dan Kamarul Azli Nordin.

Ketika di UMP, beliau merupakan seorang pelajar yang aktif dan pernah menjawat jawatan sebagai Timbalan Presiden, Chemical Engineering Society (CHEST).


Mohd Najib berkata, keadaan terkini Mughirah sihat dan sedang menjalani rawatan kimoterapi di Hospital Kuala Lumpur dan terpaksa berulang alik dari Kemaman ke Kuala Lumpur.

"Sebagai badan yang bertanggungjawab kepada kebajikan alumninya, pihaknya juga tidak terlepas dalam menghulurkan bantuan dengan bertekad memenuhi tanggungjawab sosialnya membantu mereka yang memerlukan," katanya.




Judul Buku : Merekayasa Pembimbing Rakan Siswa Institusi Pengajian Tinggi
 Penyunting : Mohamad Hashim Othman & Azmi Hassan
 ISBN : 978-967-0120-218
 Harga : RM36.00

Merekayasa Pembimbing Rakan Siswa Institusi Pengajian Tinggi memfokuskan kepada peranan dan tanggungjawab Pembimbing Rakan Siswa (PRS) dalam meningkatkan kemahiran asas dalam proses membimbing dan membantu rakan siswa yang lain. Membimbing dan membantu merupakan satu usaha yang sangat murni dan perlu disemai dalam kalangan pelajar di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) selaras dengan gagasan satu Malaysia. Proses membimbing dan membantu memerlukan kefahaman dan kemahiran yang tinggi bagi membolehkan seseorang itu, memberi khidmat membimbing dan membantu dengan efisien. Buku ini boleh dijadikan sumber rujukan di kalangan rakan siswa




Judul Buku : Kemerdekaan Yang Terhutang
 Panel Penilai : Datuk Baharuddin Zainal (Baha Zain) & Profesor Madya Dr. Lim Swee Tin
 ISBN : 978-967-0120-36-2
 Harga : RM20.00

Kelahiran buku antologi puisi berjudul “Kemerdekaan Yang Terhutang” merupakan sebahagian daripada kesinambungan komitmen program Kemerdekaan yang telah diadakan pada bulan Ogos yang lalu. Selama sebulan, seluruh warga UMP dijemput untuk menyertai pertandingan puisi merdeka yang bertemakan semangat patriotisme dan nasionalisme dalam mempertahankan tanah air dan hasilnya, sejumlah 131 buah sajak, hasil nukilan staf dan pelajar UMP berjaya dikumpulkan.



Title : AutoCad for Electrician
Author : Wan Norhisyam Abd Rashid & nik Mohd Zaitul Akmal Mustapha
ISBN : 978-967-0120-39-3
Price : RM20.00
Pages : 57 pages

This is a must-have book for electricians who need fast access to information on AutoCAD when designing an electrical system. It is very informative and yet, not too complex. All chapters contained useful and instructive facts about designing an electrical system using AutoCAD.



Title : The Microcontroller Technology
Author : Nik Mohd Kamil Nik Yusoff
ISBN : 978-967-0120-17-1
Price : RM35.00
Pages : 241 pages

This book is suitable for use in universities, colleges, polytechnics and vocational schools. Students are exposed to the interior structural design of the microcontroller, various instruction sets, basic hardware design of microcontroller-based and examples of its application in today's product. There are various models and hands-on projects presented to ensure that students learned and gained from the book.

The book is divided into several modules to ensure maximum benefits. The modules include:

- Introduction to microcontroller technology and its structural design.
- Instruction set format - format of assembly language, machine code and addressing mode.
- Instruction sets - branch instruction sets, shift and rotate, logical instruction sets
- Programming development tools - assembler, compiler, editor, source file, listing file and object code, directive assembler (pseudo-op).
- Programming flow control - BRANCH and JUMP instruction, conditional branch, CMP instruction sets, if, if else, repeat until, while and for in assembly language structure.
- Subroutine and stack - stack application, nested subroutine, delay subroutine
- Hardware architecture - pin specifications, timing diagram for read and write operation, mode of operation.
- Parallel I/O - handshaking, single strobe, full handshaking.
- Serial I/O - asynchronous and synchronous serial interface.
- Interrupts - interrupt vectors, maskable and non-maskable, RESET and other interrupts sources.
- Timer and Counter.
- Analog Input and Output - A/D converter, initialisation, operation, synchronization.

The Right Access to Fulfill Your Dreams



Universiti
Malaysia
PAHANG
Engineering • Technology • Creativity



Universiti Malaysia Pahang (UMP) was established by the Government of Malaysia on 16th of February 2002. UMP was set up as a competency-based technical university that specializes in the fields of engineering and technology.

Our university offers a wide range of practical-based higher education programmes in engineering and technology to produce competent engineers for the industries. Our application-oriented curriculum integrates theory and practice in the concept of teaching factory. It emphasizes on experiential and action learning, problem solving tasks that prepare our graduates to easily adapt to the real workplace of various industries. All programmes offered by UMP pass through an evaluation process and recognized by agencies such as Malaysia Qualification Agencies (MQA), Engineering Accreditation Council (EAC) and Public Services Department of Malaysia (JPA).

FACULTIES

- Faculty of Civil Engineering & Earth Resources
- Faculty of Chemical & Natural Resources Engineering
- Faculty of Computer Systems & Software Engineering
- Faculty of Electrical & Electronics Engineering
- Faculty of Industrial Sciences & Technology
- Faculty of Manufacturing Engineering
- Faculty of Mechanical Engineering
- Faculty of Technology

Academic Management Division

Tel.: +609- 549 2550/ 2554/ 2526/ 2528

Fax : 09-549 2555

e-Mail: bpa@ump.edu.my

Website: <http://bpa.ump.edu.my>

For Further Information, Please Contact:

Public Relations Unit, Office of the Vice-Chancellor, Universiti Malaysia Pahang, Lebuhraya Tun Razak, 26300 Gambang, Kuantan, Pahang Darul Makmur, Malaysia.
Tel: +609-549 2501 Faks: +609-549 3199 e-Mail: pro@ump.edu.my Website: www.ump.edu.my Facebook: <http://www.facebook.com/universiti.malaysia.pahang>



Universiti
Malaysia
PAHANG
Engineering • Technology • Creativity



Why UMP is the logical move for your outstanding and unique technological experience:

Ranked:

- MSC-status tertiary education provider.

Offers:

- A variety of accredited engineering and technical study programmes.
- A culture of excellence in research and innovation.
- Twin degrees programme with Hochschule Karlsruhe Und Wirtschaft (HsKA) of Germany.
- Collaborative partnerships with industries in the East Coast Industrial Belt.

First local public university:

- To be conferred "digital university" status in the East Coast of Peninsular Malaysia.
- To inaugurate the Malaysian Ministry of Higher Education's "MyMoHES" database, and ranked five-star.
- To be certified OHSAS 18001:1999.
- To establish Centralized Laboratory in the East Coast of Peninsular Malaysia.
- To establish Mandarin Language & Cultural Centre.
- To spearhead industry centres of excellence, with the collaborations of HeiTech Padu Bhd, IBM Malaysia Sdn Bhd, Miyazu Sdn Bhd and Sapura Industrial Bhd.
- To spearhead students apprenticeship programme, with the collaborations of Malaysian Automotive Institute.
- To spearhead soft skills programme for human capital development.

Fully equipped with:

- 24/7 wireless broadband Internet and on-campus e-Community system.
- The largest TM HotZone bandwidth in the East Coast of Peninsular Malaysia.
- Five-star rated website among local public universities.
- Strong collaborations and strategic networking with industries and corporations, as well as tie-ups with renowned domestic and international universities.
- German Academic & Career Centre.
- World-class Sports Complex, including a national focus on basketball
- Complete and comfortable infrastructures.
- The best and sophisticated laboratory in the East Coast of Peninsular Malaysia.

For Further Information, Please Contact:

Public Relations Unit, Office of the Vice-Chancellor, Universiti Malaysia Pahang, Lebuhraya Tun Razak, 26300 Gambang, Kuantan, Pahang |
Tel: +609-549 2501 Faks: +609-549 3199 e-Mail: pro@ump.edu.my Website: www.ump.edu.my Facebook: <http://www.facebook.com/ump>

Inspiring Courses Designed To Aspiring Engineers



UMP currently offers graduate studies by research and course work at Master's and Doctor levels. The general areas of specialisation are as follows:

POSTGRADUATE PROGRAMMES - By Research

Advanced Materials, Automotive, Bio-process, Biotechnology, Chemical, Chemistry, Civil, Computer Science, Construction, Electrical, Electronic, Environmental, Environmental Management, Food Science, Food Technology, Gas Engineering, Humanities Technology, Industrial Chemistry, Industrial, Instrumentation, Manufacturing, Mathematics, Mechanical, Mechatronic, Physics, Software, Statistics, Technology Management, Safety & Health, Human Capital Resources, Project Management, Operation Management, Techno-preneurship, English Language & Professional Communication, Halal Management System, Human Performance System and Technology Enhanced Language Learning.

POSTGRADUATE PROGRAMMES - By Course Work at Master's Level Only

Chemical Engineering With Entrepreneurship, Information & Communication Technology, Computer Networking and Software Engineering.

For Further Information, Please Contact:

Centre for Graduate Studies
Tel.: +609- 549 2081 / 2050
Fax : 09-549 2662
e-Mail : cgs@ump.edu.my
Website: <http://pps.ump.edu.my>

Congratulations for your accomplished A-Level



But what now?

Do you want to become an engineer? ✓

Do you aspire an international degree? ✓

Can't afford exorbitant tuition fees? ✓

No scholarship in sight? ✓

Why you should join our Dual-Award Programme:



UMP comprises first class up to date facilities perfectly matching contemporary industry standards.



All professors come with at least 5 years of industry attachment. One third of the professors are from Germany.



With two BEng-Degrees both from UMP and HsKA you are sought after by multinational companies world wide.



The best performing students are granted studying in Germany at Hochschule Karlsruhe or affiliated partners.



We work closely together with various German companies in Malaysia who are eager to sponsor promising candidates.



Due to our close bonds with industry you will be a most sought after engineer even before graduation.



Universiti
Malaysia
PAHANG

Engineering • Technology • Creativity



Hochschule Karlsruhe
Technik und Wirtschaft
UNIVERSITY OF APPLIED SCIENCES



Universiti Malaysia PAHANG

Diterbitkan oleh:
UNIT PENERBITAN & GRAFIK
Pejabat Naib Canselor
Universiti Malaysia Pahang
Lebuhraya Tun Razak
26300 Gambang
Kuantan, Pahang Darul Makmur

Tel. : 09-549 2501
Faks : 09-549 3199
e-Mel : pro@ump.edu.my

<http://www.facebook.com/universiti.malaysia.pahang>